

HUBUNGAN PENGHARGAAN KENDIRI DAN KEMURUNGAN KE ATAS
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR TINGKATAN EMPAT

Projek Sarjana ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)

Universiti Utara Malaysia

Oleh:

Khairul Bariyah binti Kassim

82901



Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

KHAIRUL BARIYAH BINTI KASSIM

calon untuk Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

HUBUNGAN PENGHARGAAN KENDIRI DAN KEMURUNGAN KE ATAS

PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR TINGKATAN EMPAT

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi
bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of
the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : Prof. Madya Dr. Rosna Awang Hashim
(Name of Supervisor)

Tandatangan : 
(Signature)

Tarikh : 2/8/2003
(Date)

KEBENARAN MENGGUNA

Penyerahan kertas projek ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju menjadikan kertas projek ini sebahagian bahan rujukan di perpustakaan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran boleh didapati daripada dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk penyalinan, penerbitan atau penggunaan secara keseluruhan atau sebahagian dari kertas projek ini untuk tujuan komersil adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Penyertaan rujukan kepada penulis dan UUM seharusnya dinyatakan dalam sebarang bentuk rujukan yang terdapat dalam kertas projek ini. Kebenaran untuk penyelidikan atau lain-lain kegunaan sama ada keseluruhan atau sebahagiannya boleh dilakukan dengan menulis kepada:

Dekan,
Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok,
Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk melihat sejauhmana hubungan antara penghargaan sendiri dan kemurungan dengan pencapaian akademik pelajar. Seterusnya, pengkaji ingin melihat perbezaan penghargaan sendiri dan kemurungan di kalangan pelajar mengikut jantina. Kajian ini melibatkan 200 orang pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah menengah di daerah Bachok iaitu SMK Bachok, SMK Badak, SMK Jelawat dan SMK (A) Tangok. Terdapat dua alat ujian pengukuran yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Children Depression Inventory* (CDI) dan *Self-Esteem Inventory* (SEI). Analisis yang digunakan ialah kaedah korelasi Pearson, ujian-t dan regresi. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik. Bagi hubungan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik dan penghargaan sendiri dengan kemurungan, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan. Keputusan hasil kajian ini juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam penghargaan sendiri dan kemurungan mengikut jantina. Seterusnya, penemuan kajian ini mendapati hubungan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar begitu besar nilainya jika dibandingkan dengan penghargaan sendiri.

ABSTRACT

The main purpose of this study was to investigate the relationship between self-esteem, depression and students' achievement. It also sought to examine gender differences in self-esteem and depression. The participants in this study comprised 200 Form four students from four different schools namely SMK Bachok, SMK Badak, SMK Jelawat and SMK (A) Tangok. To measure these psychological constructs, two instruments were used: Children Depression Inventory (CDI) and Self-Esteem Inventory (SEI). Data analysis was based on Pearson correlation, t-test, and regression. The results showed significant positive correlation between self-esteem and academic achievement. Findings also indicated an inverse relationship between depression and academic achievement, and also self-esteem and depression. High depression is associated with both low self-esteem and low academic achievement. The findings also indicated that males and females showed no significant difference in their level of self-esteem and depression. This study also found that depression was a more significant predictor of academic achievement compared to self-esteem.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Syukur alhamdulillah dengan limpah rahmat-Nya, maka penulisan projek sarjana ini telah dapat disempurnakan. Tesis ini juga berjaya disiapkan kerana hasil dari tunjuk ajar, kerjasama dan galakan daripada pelbagai pihak.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khususnya kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Rosna Awang Hashim, Dekan Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan (SSKP) yang tidak jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan serta meluangkan masa kepada saya untuk menyempurnakan kertas projek sarjana ini.

Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan pengetua-pengetua sekolah yang memberi kebenaran untuk saya menjalankan kajian ini. Tidak ketinggalan kepada kaunselor-kaunselor sekolah yang banyak membantu dan seterusnya pelajar-pelajar yang telah terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya, tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih khas untuk bonda dan ayahanda yang amat disayangi, Y.M. Puteri Maimunah Megat Adnan dan Tuan Haji Kassim Mamat yang sentiasa memberi dorongan, bantuan dan doa untuk kejayaan saya.

Akhir sekali, terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan memberi kerjasama di sepanjang tempuh saya menyiapkan kertas projek sarjana ini.

Hanya Allah sahajalah yang dapat membalas segala usaha dan bakti yang telah diberikan. Amin.

Wassalam.

SENARAI KANDUNGAN

Kebenaran Mengguna		i
Abstrak		ii
Abstract		iii
Penghargaan		iv
Kandungan		vi
Senarai Jadual		viii
Senarai Rajah		x
BAB 1	PENGENALAN	1
	Pendahuluan	1
	Pernyataan masalah	3
	Objektif kajian	5
	Soalan penyelidikan	6
	Signifikan kajian	6
	Batasan kajian	7
	Definisi operasional	8
BAB 2	SOROTAN KARYA	11
	Pendahuluan	11
	Konsep penghargaan sendiri	11
	Konsep kemurungan	12
	Pendekatan teori	13
	Hubungan penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik	17
	Hubungan kemurungan dengan pencapaian akademik	21
	Perbandingan penghargaan sendiri mengikut jantina	25
	Perbandingan tahap kemurungan mengikut jantina	28
	Hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan	31
	Kesimpulan	34

BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	37
	Pendahuluan	37
	Rekabentuk kajian	37
	Kerangka	37
	Hipotesis	38
	Persampelan	39
	Tatacara pengumpulan data	42
	Instrumentasi kajian	43
	Kajian rintis	45
	Analisis data	45
	Cara pemarkahan	46
	Kebolehpercayaan alat pengukuran	51
BAB 4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	54
	Pendahuluan	54
	Keputusan	55
	Latar belakang responden	55
	Pengujian hipotesis	61
	Perbincangan	68
BAB 5	RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP	77
	Pendahuluan	77
	Rumusan	77
	Cadangan	80
	Penutup	81
Bibliografi		84
Lampiran		

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
Jadual 1	: Taburan populasi mengikut sekolah	40
Jadual 2	: Taburan sampel mengikut sekolah	41
Jadual 3	: Taburan sampel mengikut aliran dan jantina	42
Jadual 4	: Penentuan gred dan nilai gred pencapaian akademik	46
Jadual 5	: Kategori bagi purata nilai gred pencapaian pelajar	47
Jadual 6	: Item-item positif dan negatif dalam <i>Children's Depression Inventory</i>	49
Jadual 7	: Item-item yang berbentuk positif dan negatif dalam alat ujian <i>Self-Esteem Inventory</i>	51
Jadual 8	: Taburan responden mengikut sekolah	55
Jadual 9	: Taburan responden mengikut jantina	56
Jadual 10	: Taburan responden mengikut bangsa	56
Jadual 11	: Taburan responden mengikut aliran	57
Jadual 12	: Pencapaian akademik pelajar mengikut tahap	57
Jadual 13	: Analisis keputusan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains mengikut gred	59
Jadual 14	: Analisis statistik deskriptif min dan sisihan piawai kemurungan, penghargaan sendiri, pencapaian akademik dan jantina	61
Jadual 15	: Analisis Korelasi Mudah Pearson antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik pelajar	62
Jadual 16	: Analisis Korelasi Mudah Pearson antara kemurungan dengan pencapaian akademik serta antara kemurungan dengan penghargaan sendiri	63

Jadual 17	: Analisis min, sisihan piawai dan ujian t penghargaan Kendiri, kemurungan dan pencapaian akademik mengikut perbezaan jantina	64
Jadual 18	: Analisis Ringkasan Model Linear Regresi	66
Jadual 19	: Analisis Korelasi Regresi Mudah Penghargaan Kendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar	66
Jadual 20	: Analisis Nilai Pekali Regresi Mudah Kemurungan dan Penghargaan Kendiri	66

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
Rajah 1	: Hierarki Maslow	14
Rajah 2	: Teori Emosi Arnold-Ellis	16
Rajah 3	: Hubungan antara pembolehubah bebas dengan Pembolehubah bersandar	38

BAB 1

Pengenalan

Pendahuluan

Penguasaan ilmu pengetahuan adalah teras kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Pelajar-pelajar pula adalah generasi muda yang menjadi golongan penting dalam usaha untuk mengurus dan mentadbir masyarakat dan negara pada masa depan. Jika pelajar-pelajar hari ini tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh, kemungkinan kepeimpinan mereka tidak akan dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera dan membawa negara ke arah pembangunan dan kemajuan yang sesuai dengan peredaran masa.

Menurut Asmah Bee Mohd. Noor dan Iran Herman (1995), remaja mempunyai potensi yang amat tinggi untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan. Oleh itu, setiap remaja sepatutnya bercita-cita untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam akademik. Keputusan yang cemerlang merupakan gambaran tahap penguasaan yang tinggi terhadap sesuatu bidang ilmu. Namun, tidak semua pelajar berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam akademik seperti yang dijangka atau diharapkan. Oleh yang demikian, tidak hairan jika terdapat perbezaan jurang di antara sekelompok individu dengan sekelompok individu yang lain dari segi pencapaian akademik.

Perbezaan pencapaian akademik sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian yang lebih tinggi, terus menarik minat para pengkaji atau penyelidik bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan perbezaan pencapaian akademik. Kebanyakan daripada kajian-kajian yang lalu menumpukan kepada faktor luaran seperti status sosio-ekonomi (SES), ibu bapa, guru, sekolah dan rakan sebaya yang mempengaruhi motivasi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar.

Menurut Abdul Rahman Abdul Rashid (1996), ahli-ahli sosiologi pendidikan menyatakan bahawa terdapat hubungan di antara taraf sosio-ekonomi keluarga dan pencapaian akademik. Ini kerana unsur-unsur seperti taraf pendidikan, jenis pekerjaan dan pendapatan ibu bapa atau penjaga telah membezakan individu dari segi kemudahan pembelajaran di rumah, dorongan pembelajaran, kualiti pemakanan, taraf kesihatan, nilai sosial dan sikap. Oleh itu, perbezaan ini sama ada secara positif atau negatif akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Selain daripada faktor-faktor luaran yang dinyatakan di atas, faktor dalaman individu juga tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Sebagai seorang pelajar, salah satu aspek konsep sendiri yang penting ialah bagaimana mereka menilai dan mengawal perasaan diri bagi tujuan mencapai kejayaan dan kecemerlangan di dalam pembelajaran akademik mereka.

Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat dari aspek dalaman (faktor dalaman) iaitu sudut psikologi seseorang remaja seperti pengaruh faktor penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar. Ini kerana, dalam konteks pendidikan di sekolah, psikologi diri remaja yang sejahtera adalah penting dalam membentuk sahsiah pelajar dan seterusnya berkemungkinan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang akademik.

Pernyataan masalah

Pelajar-pelajar adalah generasi negara yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Oleh itu, sebarang permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini perlu diselidiki dan diatasi agar masa depan negara akan lebih terjamin. Namun, isu pencapaian akademik yang rendah di kalangan pelajar sering mendapat perhatian dan tumpuan dari setiap peringkat.

Pada hari ini, setiap guru dan ibu bapa tentu sahaja mempunyai pengharapan yang tinggi untuk melihat kejayaan pelajar di sekolah. Guru tentu sahajalah mengharapkan anak didiknya mencapai kejayaan cemerlang kerana itulah antara bukti prestasi pengajarannya di bilik darjah. Ibu bapa pula, sekalipun bukan semua yang ambil berat tentang bagaimana anaknya menghabiskan masa lapang, sama ada mengulangkaji atau bersantai, juga mempunyai pengharapan luar biasa terhadap anak-anak mereka. Semuanya mengharapkan

kejayaan kerana di tangan anak-anak itu akan tercapai hajat besar sejauh mana mereka telah menjalankan tanggungjawab dengan baik.

Tidak dinafikan juga bahawa setiap pelajar sebenarnya ingin mencapai kejayaan dalam bidang akademik, namun ramai antara mereka yang terumbang-ambing tanpa mencapai sesuatu yang bermakna. Persoalannya, mengapakah keadaan sebegini berlaku? Pada hakikatnya, guru-guru dan para ibu bapa telah berusaha dengan pelbagai cara demi kejayaan mereka, namun masih terdapat juga rungutan-rungutan tentang prestasi akademik mereka yang kurang memuaskan.

Memandangkan kepada situasi inilah, maka pengkaji merasakan adalah menjadi keperluan untuk meneroka faktor-faktor yang berkaitan dengan permasalahan yang timbul dari sudut penghargaan sendiri dan kemurungan yang merupakan antara faktor dalaman yang berkemungkinan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Pengkaji mengkaji dan meneroka permasalahan ini dari aspek penghargaan sendiri kerana menurut Malhi (1997), penghargaan sendiri adalah faktor penting dalam mempertingkatkan prestasi akademik serta memperbaiki tingkah laku para remaja. Manakala Lawrence (2000), berpendapat bahawa penghargaan sendiri merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi kejayaan seseorang dalam segala aspek kehidupan. Dari aspek kemurungan ia diteroka kerana menurut Asmah Bee Mohd. Noor dan Iran Herman (1995), kemurungan yang biasanya

dialami oleh remaja akan memberi kesan terhadap kecemerlangan prestasi akademik.

Justeru itu, dalam kajian ini pernyataan masalah yang ingin diketengahkan ialah adakah penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Objektif kajian

Kajian ini mengandungi lima objektif utama iaitu :

- 1) untuk melihat sejauhmana hubungan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat
- 2) untuk melihat sejauhmana hubungan antara tahap kemurungan yang dialami dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat
- 3) untuk menentukan adakah terdapat perbezaan penghargaan sendiri di kalangan pelajar tingkatan empat mengikut jantina
- 4) untuk menentukan adakah terdapat perbezaan di kalangan pelajar tingkatan empat yang mengalami kemurungan mengikut jantina
- 5) untuk melihat sejauhmana penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Soalan penyelidikan

Secara khususnya, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan penyelidikan seperti berikut:

- 1) Adakah penghargaan sendiri mempunyai hubungkait dengan pencapaian akademik pelajar?
- 2) Adakah kemurungan yang dialami oleh pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar?
- 3) Adakah terdapat perbezaan penghargaan sendiri di kalangan pelajar tingkatan empat mengikut jantina?
- 4) Adakah terdapat perbezaan tahap kemurungan di kalangan pelajar tingkatan empat mengikut jantina?
- 5) Adakah penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?

Signifikan kajian

Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi panduan kepada guru-guru dan ibu bapa untuk mengesan pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri rendah dan memahami masalah kemurungan yang dihadapi oleh mereka secara lebih objektif lagi.

Justeru itu, perhatian perlu diberikan kepada remaja sama ada di rumah atau di sekolah supaya kehidupan mereka akan berkembang dengan sempurna. Ibu bapa dan guru-guru juga perlu peka dengan situasi persekitaran yang menyumbangkan kepada masalah kemurungan dan penghargaan sendiri yang rendah di kalangan para remaja di samping peka terhadap sifat-sifat remaja yang mengalami masalah-masalah itu tadi.

Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada Kementerian Pendidikan dalam merancang program-program pendidikan yang berkesan dan menimbulkan keseronokan bersekolah kepada para pelajar di mana pihak kementerian perlu menyediakan struktur pendidikan yang sesuai dengan kemampuan psikologi dan sosiologi remaja.

Kepada kaunselor sekolah, kajian ini dapat memberi gambaran kehidupan pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah dan yang mengalami masalah kemurungan serta membantu mereka untuk memahami permasalahan yang dialami oleh mereka.

Batasan kajian

Kajian ini merupakan kajian khusus tentang hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga mempunyai

batasan dari segi responden di mana responden hanya terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat dari 4 buah sekolah di daerah Bachok. Kajian ini juga hanya menggunakan kaedah soal selidik bagi tujuan untuk mengumpulkan data dalam kajian ini.

Definisi operasional

Penghargaan sendiri

Dalam kajian ini, penghargaan sendiri yang ingin dikaji adalah menurut definisi yang diberikan oleh Coopersmith (1967), iaitu penghargaan sendiri ialah penilaian atau tanggapan yang dibuat oleh individu mengenai dirinya sama ada positif mahupun negatif dan penafsiran ini akan tetap kekal dalam dirinya.

Kemurungan

Dalam kajian ini, kemurungan dilihat mengikut takrifan yang diberikan oleh Beck dan Steer (1991) yang mengkategorikan kemurungan berdasarkan empat aspek utama iaitu aspek kognitif, afektif, motivasi dan fizikal.

Aspek kognitif

Melibatkan penilaian diri yang rendah; melihat diri, persekitaran dan masa depannya secara negatif; menyalahkan diri sendiri; ragu-ragu; dan pengherotan (*distortion*) imej diri.

Aspek afektif

Wujudnya keadaan kesedihan. Individu akan memperlihatkan dirinya sebagai berperasaan tidak gembira, buntu, muram atau bersedih.

Aspek motivasi

Berkait dengan kehilangan motivasi, bersikap menarik diri. Kehilangan motivasi dapat dikaitkan dengan merosotnya pencapaian akademik di sekolah.

Aspek fizikal

Melibatkan kehilangan selera makan, gangguan tidur dan kelihatan lesu.

Pencapaian akademik

Pencapaian akademik bermaksud hasil yang diperolehi oleh pelajar-pelajar setelah mempelajari sesuatu disiplin ilmu (Kamus Dewan, 2000). Dalam kajian ini, ukuran pencapaian akademik adalah berasaskan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

BAB 2

SOROTAN KARYA

Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji telah membahagikan ulasan karya berasaskan kepada dua aspek utama iaitu pendekatan teori yang digunakan dan ulasan karya terhadap kajian-kajian lepas berhubung dengan penghargaan sendiri dan kemurungan. Sebelum disentuh secara lebih lanjut mengenai dua aspek utama tadi, terlebih dahulu pengkaji membincangkan konsep penghargaan sendiri dan kemurungan secara umum. Menerusi pendekatan teori, dua teori yang disentuh sebagai asas kepada kajian ini iaitu teori humanistik yang dibawa oleh Maslow iaitu Teori Humanistik Maslow dan teori emosi yang dikemukakan oleh Arnold-Ellis yang dikenali dengan Teori Kognitif Arnold-Ellis.

Konsep penghargaan sendiri

Penghargaan diri (self-esteem) secara umumnya bolehlah ditakrifkan sebagai penilaian menyeluruh tentang diri kita sama ada secara positif atau negatif. Menurut Sullivan (dalam Malhi, 1997), penghargaan diri ialah semua perasaan ketrampilan diri dan nilai peribadi yang membentuk seseorang.

Sementara Coopersmith (1981) mendefinisikan penghargaan diri sebagai penilaian yang dibuat oleh individu mengenai dirinya dan penafsiran ini akan tetap kekal pada dirinya. Penghargaan diri juga membayangkan sikap individu yang bersetuju atau tidak bersetuju dan ia menandakan sejauhmanakah seseorang individu itu meyakini kebolehan, pencapaian, kepentingan dan nilai yang ada pada dirinya.

Manakala Rosenberg (dalam Asmah Bee Mohd. Noor dan Iran Herman, 1995) pula menjelaskan bahawa orang yang tinggi penghargaan diri adalah orang yang menghormati dirinya dan menganggap dirinya sebagai individu yang berguna. Manakala orang yang rendah penghargaan diri pula, tidak dapat menerima dirinya dan menganggap dirinya tidak berguna, tidak berpuas hati serta kekurangan.

Konsep kemurungan

Kemurungan merupakan satu fenomena yang telah lama wujud dan dialami oleh kebanyakan manusia sama ada dalam keadaan serius atau tidak. Ia merupakan salah satu daripada masalah psikologi yang berlaku kepada manusia tanpa mengira peringkat usia. Individu yang murung biasanya ditandai dengan gejala kerunsingan, kesedihan, rasa diri tidak berguna dan sebagainya. Ianya terjadi

kerana pengaruh tekanan dari luar atau kerana kemunduran pada fungsi otak (Jokosuyono, 1980).

Menurut Singgih (1982), kemurungan adalah pengeluaran rasa kesal atau tertekan oleh individu akibat tidak dapat mempertahankan keseimbangan biologi, fisiologi, dan perkembangan kejiwaan. Kenyataan ini disokong oleh Beck dan Steer (1991) di mana menurutnya, orang yang tertekan mempunyai pandangan yang negatif tentang diri mereka, persekitaran dan masa depan mereka.

Weissman dan Paykel (1974) melihat kemurungan sebagai gambaran keadaan perubahan hati dan perasaan serta perubahan tingkah laku akibat daripada kekecewaan hidup yang membawa kepada tindakan untuk membunuh diri. Perubahan hati dan perasaan individu yang murung boleh dilihat melalui tingkah laku, bersedih hati, sugul, tidak gembira, tidak dapat mengecap kebahagiaan hidup dan mudah sekali untuk menangis.

Pendekatan teori

Teori Humanistik Maslow

Teori ini menghuraikan bahawa manusia mempunyai beberapa tingkat keperluan secara teratur. Abraham Maslow (1970) mengemukakan lima peringkat

keperluan yang setiap manusia ingin kecapai iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, sosial, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri. Tingkat keperluan tersebut dapatlah digambarkan seperti dalam rajah 1 di sebelah.

Rajah 1: Hierarki Maslow



Keperluan penghargaan sendiri akan tercetus apabila ketiga-tiga keperluan iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, dan keperluan sosial dipenuhi. Keperluan ini berhubung dengan penghargaan sendiri, penghormatan, status dan sebagainya. Manusia diandaikan perlu memenuhi keperluan peringkat

bawah (keselamatan dan fisiologi) sebelum berkeinginan mencapai keperluan ditingkat atas (penghargaan sendiri).


Menurut Maslow, harga diri yang stabil adalah berlandaskan penghormatan yang layak diterima dan bukannya datang dari orang lain. Individu yang tidak menghargai diri sendiri akan mudah merasa rendah diri, kecewa, tiada keyakinan diri, emosi kurang stabil dan seringkali mengalami tekanan perasaan atau tekanan jiwa. Sebaliknya, individu yang menghargai diri sendiri, akan lebih bersifat positif. Ini kerana, apabila keperluan penghargaan sendiri dapat dipuaskan, seseorang individu akan merasakan kehidupannya lebih bermakna.

Teori Kognitif Arnold-Ellis

Teori Kognitif Arnold dan Ellis (1970) menekankan kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu peristiwa daripada rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi. Sebagai contoh, jikalau seorang guru menyampaikan satu berita kepada pelajarinya, reaksi emosi pelajar itu adalah tertakluk kepada apakah berita yang dibawa oleh guru tersebut. Jikalau guru itu datang dengan berita yang menyedihkan, pelajar itu tentu memaparkan emosi yang negatif seperti sedih tetapi sebaliknya jikalau ia membawa berita yang menggembirakan, pelajar tersebut akan merasa gembira. Menurut Arnold dan Ellis, seseorang individu akan menginterpretasikan pelbagai situasi dan peristiwa

yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi. Oleh itu, rangsangan luaran akan diterima oleh *talamus* dan terus dihantar ke bahagian *korteks* untuk dianalisis dan diinterpretasikan. Kemudiannya rangsangan itu akan dihantar ke bahagian *hipotalamus* yang bertanggungjawab menghasilkan reaksi emosi yang bersesuaian. Penerangan ini boleh diringkaskan menerusi rajah di bawah:

Rajah 2: Teori Emosi Arnold-Ellis (Sumber: Mahmood Nazar Mohamed, 1990, hlm. 320)



Dalam konteks kemurungan, contoh yang boleh dibawa ialah perbandingan layanan yang diterima oleh pelajar yang kurang cemerlang pencapaian akademik

dengan mereka yang cemerlang. Biasanya pelajar yang kurang cemerlang ini akan menerima hukuman seperti dimarah, dipaksa belajar lebih masa, dihadkan kebebasan untuk bersuka ria dengan teman sebaya dan dikenakan pelbagai hukuman. Layanan hukuman yang diterima ini akan menyebabkan mereka merasakan segala usaha yang dilakukan selama ini tidak dihargai oleh ibu bapa mereka sendiri. Dari contoh ini, akan didapati bahawa fikiran mereka telah dipengaruhi oleh andaian yang dibuat seterusnya ini akan memberi kesan kepada emosi dan reaksi pelajar tersebut.

Hubungan penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik

Penghargaan sendiri adalah faktor terpenting yang mempengaruhi kejayaan seseorang dalam segala aspek kehidupan. Seseorang akan melakukan sesuatu dengan lebih baik hampir dalam semua perkara apabila dia menganggap dirinya layak dan berkebolehan. Penghargaan diri adalah kunci kepada kejayaan. Penyelidikan telah mengesahkan secara jelas bahawa penghargaan sendiri adalah faktor penting dalam mempertingkatkan prestasi akademik serta memperbaiki tingkah laku para pelajar.

Frey (1989) menyatakan pelajar-pelajar yang memperolehi konsep sendiri yang positif di sekolah mempunyai peluang yang besar untuk berjaya dalam

kehidupan mereka kelak. Penghargaan sendiri ialah satu peramal kejayaan akademik yang lebih baik daripada kecerdasan yang diukur (Battle, 1994).

Alves-Martins, Peixoto, Gouveia-Pereira, Amaral dan Pedro (2002) telah menjalankan satu kajian ke atas pelajar sekolah menengah di dua buah sekolah di Portugal. Jumlah pelajar yang menjadi responden dalam kajian tersebut ialah seramai 838 orang (429 orang pelajar perempuan dan 409 orang pelajar lelaki) yang berada di gred 7, 8 dan 9 serta berumur antara 13 hingga 19 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan pencapaian akademik di kalangan pelajar gred 7 tetapi tidak bagi pelajar gred 8 dan 9. Data yang diperolehi ini telah dikumpul dengan menggunakan *Harter's Self-Perception Profiles* bersama *Scale of Attitudes*.

Begitu juga dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Yelsma dan Yelsma (1998) yang dilakukan ke atas 596 orang pelajar di sekolah menengah tinggi di Michigan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi memiliki keyakinan untuk memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang berbanding dengan pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Ini bermakna, pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk cemerlang berbanding mereka yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah yang kurang berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

Kajian yang dilakukan oleh Quatman, Sampson, Robinson dan Watson (2001) ke atas 380 orang pelajar (49% pelajar lelaki dan 51% pelajar perempuan) yang berada di gred 8 (109 orang), 10 (157 orang) dan 12 (114 orang) dari sebuah sekolah menengah harian dan dua buah sekolah tinggi di kawasan San Francisco Bay yang berumur antara 12 hingga 18 tahun menunjukkan pencapaian akademik dan motivasi pencapaian pelajar yang rendah adalah disebabkan mereka mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Ini bermakna penghargaan sendiri mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik dan motivasi pencapaian pelajar. Data yang dikumpulkan ini diperolehi dari *Self-Esteem Index*, *The Coopersmith Self-Esteem Inventory* dan *Harter's In the Classroom Motivation Inventory*.

Chetcuti dan Griffiths (2002) pula mendapati kajian kes yang dilakukan oleh mereka untuk melihat penghargaan sendiri dan hubungannya dengan pencapaian akademik ke atas remaja di Malta dan England menunjukkan pencapaian akademik pelajar yang berbeza adalah disebabkan pengaruh hubungan penghargaan sendiri dalam diri seseorang pelajar. Bagi pelajar yang penghargaan kendirinya tinggi, mereka mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang jika dibandingkan dengan pelajar yang rendah penghargaan sendiri yang mempunyai pencapaian akademik yang kurang cemerlang.

Puzer Muhamad (1998) telah menggunakan 285 pelajar bumiputera yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat aliran sains dan sastera dari 8 buah

sekolah (4 buah sekolah dalam bandar dan 4 buah sekolah di luar bandar) di daerah Kulim, Kedah bagi tujuan untuk melihat hubungan di antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Keputusan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik berdasarkan kepada faktor-faktor hubungan dengan keluarga, guru, rakan sebaya, perasaan mudah marah, keyakinan sosial dan kesihatan.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Ab. Alim Abdul Rahim (2001) ke atas 897 orang pelajar tingkatan empat dari 10 buah sekolah menengah harian di Kota Bharu, Kelantan adalah untuk melihat hubungan antara tahap penyertaan kokurikulum pelajar, pencapaian akademik dan penghargaan sendiri. Data yang diperolehi adalah dari kaedah soal selidik dan temu bual dan dianalisis dengan menggunakan peratus, khi kuasa dua dan korelasi Pearson. Keputusan kajian menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan antara tahap penyertaan pelajar dalam gerak kerja kokurikulum dengan pencapaian akademik. Kajian ini juga mendapati pelajar yang aktif dalam gerak kerja kokurikulum mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Di samping itu, kajian ini mendapati pelajar yang aktif dalam gerak kerja kokurikulum mempunyai penghargaan sendiri yang positif. Sebaliknya pelajar yang tidak aktif dalam gerak kerja kokurikulum mempunyai penghargaan sendiri yang negatif. Ini bermakna wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap penyertaan pelajar dalam gerak kerja kokurikulum

berdasarkan penghargaan sendiri yang secara langsung juga turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tersebut.

Berdasarkan hasil kajian-kajian di atas menunjukkan penghargaan sendiri merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar sama ada memperolehi kecemerlangan atau sebaliknya. Ini bermakna penghargaan sendiri mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Justeru itu, pengkaji merasakan adalah penting untuk meneroka hubungan penghargaan sendiri ke atas pencapaian akademik di kalangan pelajar.

Hubungan kemurungan dengan pencapaian akademik

Kebanyakan kajian yang dijalankan di kalangan pelajar-pelajar sekolah didapati terdapat hubungan yang rapat di antara kemurungan dengan pencapaian akademik. Kajian oleh Reynolds dan Coats (1982) ke atas 575 orang pelajar remaja mendapati bahawa kemurungan dan pencapaian akademik mempunyai hubungan yang negatif. Mereka mendapati bahawa pelajar-pelajar lelaki yang rendah pencapaian akademiknya mengalami tahap kemurungan yang tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar perempuan.

Blechman, Mc Enroe, Corella dan Audette (1986) telah mengkaji kemampuan dan kemurungan 169 orang pelajar darjah 3 hingga darjah 6 dalam sebuah bandar di mana penduduknya terdiri daripada kelas rendah hingga menengah. Kemurungan dalam kajian ini diukur dengan menggunakan alat *Children's Depression Inventory*, *Peer Nomination Inventory of Depression* dan *Perceived Competence Scale for Children*.

Keputusan yang diperolehi menunjukkan pelajar-pelajar yang tidak berkebolehan dalam pelajaran dan sosial dilabelkan sebagai mempunyai tahap kemurungan yang tinggi. Keputusan kajian mereka juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang berkebolehan dalam bidang akademik tidaklah semurung pelajar-pelajar yang berkebolehan dalam bidang sosial.

Weinberg dan rakan-rakan (1989) telah menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar sekolah swasta bagi melihat hubungan kemurungan dengan ketidakupayaan belajar dan tingkah laku di sekolah. Kajian ini dijalankan di Dallas, Texas di mana 227 orang pelajar telah dijadikan sebagai sampel kajian dengan menggunakan beberapa alat ujian seperti *Wechsler Intelligence Scale for Children*, *Revised Full Scale IQ*, dan *Severe Learning Discrepancy*. Hasilnya memperlihatkan bahawa 64% pelajar mengalami kemurungan dan keadaan kemurungan yang dialami mempunyai hubungan yang signifikan dengan keupayaan belajar dan tingkah laku pelajar.

Heiligenstein, Guenther dan Herman (2000) telah menjalankan kajian mengenai kemurungan dan kemerosotan pencapaian akademik di kalangan pelajar kolej yang terdiri daripada 63 orang pelajar (29 lelaki - 46% dan 34 perempuan - 54%) yang merupakan pelajar jurusan perubatan dan psikologi di University of Wisconsin-Madison. Hasil daripada kajian memperlihatkan bahawa kemurungan mempunyai hubungan signifikan dengan kemerosotan pencapaian akademik. Sebanyak 92% iaitu 58 orang pelajar yang murung mengalami kemerosotan dalam pencapaian akademik. Hasil data ini dikumpul dengan menggunakan *Beck's Depression Inventory (BDI)* dan *Social Adjustment Scale-Self Report (SAS-SR)*.

Brian, Murray dan Ian (2002) pula telah menjalankan satu kajian ke atas pelajar-pelajar yang berumur di antara 8 hingga 12 tahun daripada 10 buah sekolah di New York bagi mengkaji kemurungan, lokus kawalan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar. Subjek ini mewakili 3 tahap status sosio ekonomi. Ukuran pencapaian akademik melibatkan ujian standard kemahiran membaca dan skor matematik, penilaian dari guru terhadap hasil kerja yang diberikan serta pencapaian di sekolah. Ujian IQ yang menggunakan gambar-gambar digunakan sebagai indeks kepada fungsi intelektual. Keputusan menunjukkan hubungan yang negatif di antara kemurungan dengan kemahiran membaca (-0.23) dan skor matematik (0.27). Ujian IQ yang menggunakan gambar juga mempunyai korelasi yang negatif dengan kemurungan.

Jennifer dan Kenneth (2003) telah menggunakan 189 orang pelajar (41 lelaki dan 146 perempuan) dari 2 buah universiti awam di United States yang terdiri dari 59 orang berbangsa Asian American, 65 orang dari bangsa African American dan 65 orang bangsa Caucasian American untuk melihat perbezaan kemurungan ke atas pencapaian akademik berdasarkan bangsa. Hasil dapatan yang mereka jalankan menunjukkan hubungan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh faktor perbezaan bangsa kerana didapati pencapaian akademik ketiga-tiga bangsa dipengaruhi oleh tahap kemurungan yang dialami oleh mereka. Hasil dapatan ini telah diperolehi dengan menggunakan *Multidimensional Perfectionism Scale (MPS)* dan *Center for Epidemiologic Studies Depression Scale (CES-D Scale)*.

Shamsuddin Mahmud (1990) pula telah menjalankan kajian untuk melihat kemurungan di kalangan pelajar terutamanya bagi mereka yang rendah pencapaian akademik dan motivasi pencapaian. Subjek kajian terdiri daripada 196 orang pelajar dari 2 buah sekolah menengah di Kedah. Kajian ini telah menggunakan alat ukuran *Children's Depression Inventory (CDI)* oleh Kovacs untuk mengukur kemurungan dan alat ukuran *Motivasi Pencapaian Smith* digunakan untuk mengukur motivasi pencapaian. Manakala pencapaian akademik pula dinilai berdasarkan kepada keputusan peperiksaan pertengahan penggal. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik dan motivasi pencapaian. Selain daripada itu, keputusan kajian juga menunjukkan bahawa

wujud perbezaan tahap kemurungan yang signifikan di antara pelajar bandar dan pelajar Melayu dengan pelajar di luar bandar dan bukan Melayu. Namun demikian, perbezaan kemurungan mengikut faktor jantina tidak wujud.

Menerusi hasil kajian-kajian yang telah diteroka oleh pengkaji-pengkaji di atas menunjukkan kemurungan mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik. Namun terdapat juga kajian yang mendapati kemurungan tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik. Oleh itu, wajarlah pengkaji cuba untuk melihat hubungan kemurungan terhadap pencapaian akademik dalam kajian ini.

Perbandingan penghargaan sendiri mengikut jantina

Penghargaan sendiri di kalangan remaja lelaki dan perempuan didapati mempunyai perbezaan seperti kajian yang dilakukan oleh Chubb, Fertman dan Ross (1997) yang melakukan kajian di sebuah sekolah di Amerika Syarikat dengan menggunakan seramai 174 orang subjek yang terdiri daripada pelajar sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghargaan sendiri di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Penghargaan sendiri pelajar lelaki adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan dengan min bagi pelajar lelaki adalah 31.16 dan min bagi pelajar perempuan adalah 28.91.

Dai (2001) telah menjalankan kajian di kalangan 208 orang pelajar (112 orang pelajar perempuan; 96 orang pelajar lelaki) yang berada di gred 10 dari dua buah sekolah di Cina. Tujuan pengkaji ialah untuk melihat hubungan perbezaan jantina dalam konsep sendiri, penghargaan sendiri dan pencapaian motivasi. Alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini ialah *Self-Description Questionnaire (SDQ)*. Daripada keputusan yang diperolehi menunjukkan konsep sendiri, penghargaan sendiri dan pencapaian motivasi di kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Ini membuktikan perbezaan jantina mempunyai hubungan yang signifikan ke atas konsep sendiri, penghargaan sendiri dan pencapaian motivasi pelajar.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Chapman dan Mullis (2002) ke atas 361 pelajar sekolah peringkat menengah dan tinggi yang terdiri daripada 146 orang pelajar lelaki dan 215 orang pelajar perempuan mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dalam penghargaan sendiri di mana skor ujian min yang diperolehi bagi pelajar lelaki ialah 52.11 dan pelajar perempuan 51.55.

Turner, Pickering dan Johnson (1998) pula membuat kajian hubungan di antara kepercayaan dengan penghargaan sendiri. Kepercayaan terhadap diri sendiri merupakan salah satu elemen yang terdapat di dalam ketahanan diri. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan soal selidik Kwin (*Student's Perception of*

Control Questionnaire – SPOCQ). Keputusan kajian menunjukkan pelajar lelaki mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi berbanding dengan pelajar perempuan.

Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Mullis, Mullis dan Normandin (1992) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan penghargaan sendiri di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Kajian ini telah menggunakan subjek yang terdiri daripada 279 orang pelajar dengan menggunakan *Coopersmith Self-Esteem Inventory*. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa jantina bukanlah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan penghargaan sendiri di kalangan remaja, terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah. Min penghargaan sendiri pelajar lelaki hasil kajian ini ialah 67.3 dan min bagi pelajar perempuan pula ialah 68.3.

Perbezaan penghargaan sendiri di kalangan remaja juga boleh dilihat melalui keterlibatan remaja dalam aktiviti sekolah. Kajian Steita dan Owen (1992) menunjukkan bahawa keterlibatan aktif remaja di dalam aktiviti sekolah dapat meningkatkan penghargaan sendiri di kalangan pelajar. Keputusan kajian menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang aktif, pelajar perempuan yang aktif mempunyai penghargaan sendiri yang lebih rendah berbanding dengan pelajar lelaki. Penghargaan sendiri di kalangan pelajar perempuan tinggi bagi mereka yang menyertai aktiviti berbentuk muzik, manakala bagi pelajar lelaki pula apabila mereka menyertai aktiviti berbentuk sukan.

Holland dan Andre (1994) juga mendapati bahawa pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif di dalam aktiviti sekolah mempunyai tahap penghargaan sendiri yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti sekolah. Penghargaan sendiri di kalangan pelajar lelaki tinggi bagi mereka yang terlibat secara aktif di dalam aktiviti sukan di sekolah.

Berdasarkan hasil perbincangan kajian-kajian di atas, pengkaji mendapati wujudnya perbezaan jantina ke atas penghargaan sendiri pelajar. Hasil kajian di atas juga menunjukkan lebih ramai pelajar perempuan yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah berbanding pelajar lelaki. Namun ada kajian yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina dalam penghargaan sendiri di kalangan pelajar.

Perbandingan tahap kemurungan mengikut jantina

Allison, Roeger, Martin dan Keeves (2001) telah mengkaji risiko yang berhubung dengan simptom-simptom kemurungan dan keinginan untuk membunuh diri di kalangan remaja lelaki dan perempuan. Pengkaji telah menggunakan seramai 2028 subjek iaitu 1109 adalah pelajar lelaki dan 919 pelajar perempuan yang sebahagian besar berada di kohort tahun pertama di sekolah-sekolah menengah di Selatan Australia. Alat pengukuran yang digunakan ialah *Center for*

Epidemiological Studies Depression Scale (CES-D) dan *Adolescent Suicide Questionnaire*. Pengkaji mendapati hasil dapatan mereka menunjukkan terdapat hubungan signifikan pada remaja perempuan dengan kemurungan dan keinginan untuk membunuh diri. Skor ujian min yang diperolehi bagi pelajar perempuan (CES-D) adalah lebih tinggi iaitu 13.9 dari pelajar lelaki yang hanya 11.4. Ini bermakna tahap kemurungan yang tinggi yang dialami oleh remaja perempuan menyebabkan mereka merasa terdorong untuk membunuh diri.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Jean, Nolen-Hoeksema dan Susan (2002) ke atas 310 sampel pelajar berkulit putih dan hitam yang berumur antara 8 hingga 16 tahun menunjukkan kemurungan di kalangan pelajar perempuan meningkat mengikut kumpulan umur dari 8 hingga 11 tahun dan 12 hingga 16 tahun. Kajian mereka mendapati kemurungan di kalangan pelajar perempuan adalah lebih rendah semasa mereka berada di peringkat kanak-kanak tetapi meningkat apabila berumur 13 tahun jika dibandingkan dengan pelajar lelaki yang tahap kemurungan mereka adalah rendah daripada pelajar perempuan.

Reynolds (1984) telah menjalankan kajiannya ke atas 2857 orang pelajar yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Sampelnya melibatkan pelajar-pelajar luar bandar, lelaki dan perempuan dari pelbagai kaum. Hasil kajiannya mendapati bahawa perbezaan umur dan kaum tidak menunjukkan perbezaan darjah kemurungan. Namun demikian, terdapat perbezaan darjah kemurungan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Keputusan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar

perempuan lebih tinggi darjah kemurungan berbanding dengan pelajar lelaki. Keseluruhan kajiannya mendapati bahawa 34% daripada subjek kajiannya mengalami kemurungan yang teruk. Keputusan kajian yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar perempuan lebih tinggi darjah kemurungannya itu sama seperti keputusan yang diperolehi dalam kajian yang dibuat ke atas orang dewasa (Reynolds & Could, 1981; Wersmann & Klerman, 1977).

Friedrich, Reams dan Jacobs (1988) telah menggunakan seramai 269 subjek dari sekolah luar bandar di Washington yang berumur 13 hingga 16 tahun bagi melihat perbezaan kemurungan dari segi jantina. Dalam kajian ini empat alat ujian digunakan iaitu *Beck's Depression Inventory*, *Family Environment Scale*, *Social Support Index* dan *Life Stress Inventory*. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi jantina terhadap kemurungan. Bagi lelaki, kemurungan berhubung dengan beberapa bentuk sokongan sosial.

Sementara itu, kajian yang hampir sama juga dijalankan oleh Chevron, Quinlan dan Blatt (1978). Ia merupakan satu kajian kemurungan ke atas pelajar kolej yang mengambil kursus Pengantar Psikologi di sebuah universiti. Bilangan subjek terdiri daripada seramai 87 orang pelajar perempuan dan 41 orang pelajar lelaki. Dalam kajian ini, pengkaji bertujuan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan darjah kemurungan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dan perbezaan jantina dalam *Depression Experiences*. Alat ukuran yang

digunakan ialah *Zung Depression Scale* untuk mengukur kemurungan dan *Depression Experiences*. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan darjah kemurungan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Namun demikian, terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina dalam *Depressive Experiences* yakni pelajar perempuan menunjukkan skor yang lebih tinggi dalam aspek kebergantungan kepada orang lain dan pelajar lelaki pula mempunyai skor yang lebih tinggi dalam isu berkenaan dengan kritikan sendiri.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian di atas menunjukkan terdapat hubungan signifikan dalam kemurungan mengikut jantina. Ini dapat dilihat kebanyakan pelajar perempuan yang mengalami kemurungan ditahap tinggi jika dibandingkan dengan pelajar lelaki yang tahap kemurungan mereka adalah lebih rendah.

Hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan

Yanish dan Battle (1995), telah menjalankan satu kajian di Alberta untuk melihat hubungan di antara penghargaan sendiri, kemurungan dan penggunaan alkohol di kalangan remaja. Seramai 42 orang remaja yang berumur di antara 14 hingga 19 tahun telah digunakan sebagai subjek kajian. Mereka telah menggunakan 3 alat ujian iaitu *Culture Free Self-Esteem Inventory For Children*,

Beck's Depression Inventory dan *Alcohol Consumption Scale* bagi melihat hubungan ini. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa skor yang diperolehi oleh penghargaan sendiri berhubung secara signifikan dengan kemurungan dan penggunaan alkohol. Manakala kemurungan pula tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan penggunaan alkohol di kalangan remaja. Keputusan mereka juga menunjukkan bahawa kemurungan mempunyai hubungan yang signifikan dalam semua aspek penghargaan sendiri kecuali sosial.

Bartell dan Reynolds (1996) pula, telah mengkaji kemurungan dan penghargaan sendiri di kalangan pelajar-pelajar gred 4 dan 5 yang tinggi pencapaian akademik dan yang rendah pencapaian akademik. Penghargaan sendiri diukur dengan *Coopersmith Self-Esteem Inventory*. Manakala kemurungan diukur dengan *Children's Depression Inventory (CDI)*. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kemurungan dan penghargaan sendiri di antara pelajar-pelajar yang rendah pencapaian akademiknya dengan pelajar-pelajar yang tinggi pencapaian akademiknya. Walau bagaimanapun, apabila pembolehubah gred dan jantina diambilkira, hasil kajian mereka menunjukkan pelajar lelaki yang berpencapaian akademik rendah cenderung untuk mengalami kemurungan daripada pelajar-pelajar perempuan. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar gred 4 kurang murung berbanding dengan pelajar gred 5.

DeMan, Gutierrez dan Sterk (2001) telah menjalankan kajian di kalangan pelajar universiti di Canada – Bishop's University. Jumlah pelajar yang menjadi subjek kajian ialah seramai 131 orang iaitu 108 orang pelajar perempuan dan 23 orang pelajar lelaki yang berumur antara 18 hingga 24 tahun. Tujuan pengkaji ialah untuk melihat hubungan antara tahap kestabilan atau ketidakstabilan penghargaan sendiri dan kemurungan di kalangan pelajar. Terdapat dua alat ujian yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Rosenberg's Self-Esteem Scale* dan *Beck's Depression Inventory*. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemurungan dengan penghargaan sendiri yang rendah dan tidak stabil. Ini bermakna penghargaan sendiri merupakan faktor yang mempengaruhi tahap kemurungan seseorang.

Satu kajian yang dilakukan oleh Battle, Jarrat, Smith dan Precht (1998) terhadap 930 orang pelajar lelaki dan perempuan yang berumur antara 6 hingga 15 tahun di Alberta telah cuba melihat hubungan di antara penghargaan sendiri, kemurungan dan kebimbangan. Semua subjek didaftarkan dalam gred 2 hingga 9 di mana sekolah yang dipilih menyertai kajian ini adalah secara sukarela. Tiga alat ujian yang digunakan dalam kajian ini ialah *Battle's Depression Inventory For Children*, *Culture Free Self-Esteem Inventory For Children* dan *Battle's Anxiety Scale For Children*. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri, kemurungan dan kebimbangan terhadap para pelajar. Penemuan ini menandakan bahawa penghargaan sendiri

mempunyai hubungan dengan kemurungan dan ini dapat mengukuhkan lagi kajian-kajian yang sebelumnya.

Kajian tempatan yang telah meneroka hubungan kemurungan ke atas penghargaan sendiri dan pencapaian akademik pelajar antaranya ialah Wan Zainab Othman (1990) serta Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor (1993; dalam Asmah Bee dan Iran Herman, 1995). Kajian mereka menunjukkan pelajar yang tinggi tahap kemurungan mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Di samping itu, mereka juga mendapati kemurungan mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi akademik di kalangan pelajar. Manakala bagi mereka yang kemurungannya tinggi adalah terdiri daripada pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Berdasarkan hasil kajian-kajian di atas, pengkaji mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan secara terperinci mengenai konsep, pendekatan teori dan ulasan karya kajian-kajian lepas tentang

penghargaan sendiri dan kemurungan. Di dalam kajian-kajian lepas mengenai penghargaan sendiri dan kemurungan ini, ia dilihat dari aspek hubungan penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik, hubungan kemurungan dengan pencapaian akademik, perbandingan penghargaan sendiri mengikut jantina, perbandingan kemurungan mengikut jantina serta pengaruh penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar.

Hasil dari kajian-kajian lepas mengenai hubungan penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik menunjukkan dengan jelas bahawa wujudnya hubungan yang signifikan dan positif antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik. Bagi kajian mengenai hubungan kemurungan dengan pencapaian akademik pula, hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan wujudnya hubungan signifikan dan negatif dalam pencapaian akademik pelajar dengan tahap kemurungan yang dialami.

Dari aspek perbandingan penghargaan sendiri mengikut jantina, ada kajian yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara penghargaan sendiri dengan jantina. Namun ada juga kajian yang menyatakan bahawa tiada perbezaan yang wujud dalam penghargaan sendiri mengikut faktor jantina. Manakala perbandingan kemurungan mengikut jantina pula, hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan wujudnya hubungan signifikan mengikut jantina di mana kebanyakan pelajar perempuan mempunyai tahap kemurungan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Keputusan hasil kajian-kajian lepas mengenai hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan pula mendapati penghargaan sendiri berhubung secara signifikan dengan kemurungan. Kemurungan juga mempunyai hubungan signifikan ke atas penghargaan sendiri seseorang pelajar. Di samping itu, hasil kajian mereka juga menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar.

Berdasarkan perbincangan dari ulasan karya kajian-kajian lepas ini, dapatlah dirumuskan bahawa penghargaan sendiri dan kemurungan merupakan salah satu unsur atau faktor dalaman yang memberi kesan serta mempengaruhi pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik. Keadaan ini dapat dilihat pada seseorang pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi biasanya mencapai kecemerlangan dalam akademik berbanding pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Begitu juga dengan pelajar yang mengalami tahap kemurungan yang tinggi biasanya pencapaian akademik mereka agak merosot berbanding pelajar yang tahap murungnya lebih rendah.

Justeru itu, sewajarnya kajian ini cuba mengkaji hubungan signifikan penghargaan sendiri dan kemurungan pelajar-pelajar ke atas pencapaian akademik mereka.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

Pendahuluan

Bahagian ini akan membincangkan struktur penyelidikan yang akan dijalankan. Secara lebih khusus bab ini akan menjelaskan kaedah penyelidikan yang meliputi reka bentuk kajian, kerangka konseptual, hipotesis, persampelan, tatacara pengumpulan data, kajian rintis, analisis data, cara pemarkahan dan kebolehpercayaan alat pengukuran.

Rekabentuk kajian


Kaedah yang dipilih dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data dari tinjauan sampel. Data yang diperolehi adalah hasil dari soal selidik yang diedarkan.

Kerangka

Hubungan pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar dalam kajian ini ditunjukkan dalam rajah 3 di sebelah. Pembolehubah bebas adalah jantina,

penghargaan sendiri dan kemurungan. Manakala pembolehubah bersandar ialah pencapaian akademik iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)

Rajah 3 : Hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar



Hipotesis

Berdasarkan permasalahan dan persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan, maka dirumuskan beberapa hipotesis yang akan diuji kebenarannya iaitu:

1. Ho1 - Tiada hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat

2. Ho2 - Tiada hubungan yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat
3. Ho3 - Tiada perbezaan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik mengikut jantina
4. Ho4 - Tiada perbezaan yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik mengikut jantina
5. Ho5 - Tiada hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar.

Persampelan

Populasi kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah dari 13 buah sekolah menengah di daerah Bachok iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok, Sekolah Menengah Kebangsaan Badak, Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat dan Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Tangok. Secara keseluruhannya, terdapat seramai 693 orang pelajar yang belajar di sekolah-sekolah tersebut. Keempat-empat buah sekolah ini dipilih kerana ciri-ciri persamaan yang terdapat di sekolah tersebut iaitu merupakan antara sekolah Gred A di daerah Bachok dan mempunyai rekod yang baik sama ada dari segi akademik mahupun kokurikulum. Di samping itu, sekolah-sekolah

ini juga dipilih setelah mengambilkira faktor masa, kos dan kemampuan pengkaji. Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan populasi secara keseluruhan mengikut sekolah.

Jadual 1: Taburan populasi mengikut sekolah

Nama Sekolah	Bilangan Pelajar		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
SMK Bachok	79	120	199
SMK Badak	79	80	159
SMK Jelawat	106	118	224
SMK (A) Tangok	48	63	111
JUMLAH KESELURUHAN	312	381	693

Sampel kajian

Sampel kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah seramai 200 orang pelajar yang dipilih dari populasi yang disebutkan tadi. Mereka dipilih memandangkan mereka baru sahaja lulus peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), maka pencapaian mereka dalam peperiksaan yang lalu dapat diuji sama ada wujud faktor penghargaan sendiri dan kemurungan dalam

pencapaian akademik mereka. Pemilihan subjek dalam kajian ini dibuat mengikut aliran dan urutan kelas. Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan sampel kajian mengikut sekolah.

Jadual 2 : Taburan sampel mengikut sekolah

Nama Sekolah	Bilangan Pelajar		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
SMK Bachok	25	25	50
SMK Badak	25	25	50
SMK Jelawat	25	25	50
SMK (A) Tangok	25	25	50
JUMLAH KESELURUHAN	100	100	200

Jenis sampel

Jenis persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis persampelan secara rawak berlapis yang mana sebanyak 50 orang pelajar dari setiap sekolah yang dijadikan sampel dalam kajian ini diambil mengikut kepelbagaian aliran dan urutan kedudukan kelas dari yang baik, sederhana dan seterusnya. Ini bermakna pengkaji akan memilih responden secara rawak dari setiap strata dalam populasi berdasarkan aliran dan kedudukan kelas mereka. Jadual 3 di sebelah menunjukkan taburan sampel kajian mengikut aliran dan jantina.

Jadual 3 : Taburan sampel mengikut aliran dan jantina

Nama Sekolah	Aliran				Jumlah
	Sains		Sastera		
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
SMK Bachok	12	13	13	12	50
SMK Badak	13	12	12	13	50
SMK Jelawat	12	13	13	12	50
SMK (A) Tangok	13	12	12	13	50
JUMLAH KESELURUHAN	50	50	50	50	200

Lokasi kajian

Sekolah-sekolah yang menjadi pilihan untuk kajian ini terletak di daerah Bachok, Kelantan.

Tatacara pengumpulan data

Soal selidik ini akan dilaksanakan dari satu sekolah ke satu sekolah pada hari yang berlainan. Soal selidik ini juga akan ditadbir sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan makmal sains atau mana-mana bilik yang disediakan dengan

bantuan kaunselor. Sebelum soal selidik diedarkan, arahan dan tujuan kajian akan dijelaskan kepada pelajar-pelajar.

Responden akan diberitahu supaya menjawab setiap soalan dengan jujur dan ikhlas mengikut persepsi sendiri dan tidak merujuk kepada jawapan kawan. Semasa responden menjawab soalan, pengkaji akan berada di tempat tersebut untuk memberi bantuan sekiranya timbul masalah di dalam menjawab soalan. Responden akan diperuntukkan masa selama 20 minit untuk menjawab. Borang soal selidik yang diisi akan dikumpulkan pada hari yang sama.

Instrumentasi kajian

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama iaitu:

Bahagian A (Maklumat diri pelajar)

Terdapat 5 item utama yang meliputi jantina, bangsa, sekolah, aliran pengajian serta tingkatan dan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Bahagian B (Inventori Kemurungan)

Soal selidik bahagian ini menggunakan alat *Children's Depression Inventory* (CDI) yang dicipta oleh Kovacs (1979). CDI mengandungi 27 item dan menggunakan tiga format pilihan terarah. Item-itemnya melibatkan kenyataan kemurungan seperti sedih (afektif), masalah tidur (fizikal), rasa untuk bunuh diri (kognitif) dan masalah dalam pembelajaran (motivasi).

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan alat CDI yang telah diterjemah dan digunakan oleh Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor (1993) dalam peyelidikan mereka sebelum ini.

Bahagian C (Inventori Penghargaan Kendiri)

Soal selidik bahagian ini menggunakan alat *The Coopersmith Self-Esteem Inventory* yang dicipta oleh Coopersmith (1967) untuk mengukur penghargaan sendiri di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Alat ini mengandungi 25 item yang mengandungi kenyataan-kenyataan pendek yang memerlukan pilihan jawapan "SEPERTI SAYA" atau "TIDAK SEPERTI SAYA". Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkait dengan pelbagai tanggapan terhadap sekolah, keluarga, rakan sebaya, dan diri sendiri. Item-item yang dikemukakan adalah berbentuk kenyataan negatif dan positif.

Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan alat SEI yang telah diterjemah dan digunakan oleh Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor (1993). Dalam alat SEI ini, Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor telah menggantikan pilihan jawapan “SEPERTI SAYA” kepada “YA” dan “TIDAK SEPERTI SAYA” kepada “TIDAK”.

Kajian rintis

Pada 16 Februari 2003, satu ujian rintis telah dijalankan ke atas responden yang terdiri daripada 40 orang pelajar tingkatan empat yang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Badak, Bachok, Kelantan. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk melihat kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Pengkaji telah meminta bantuan dari kaunselor sekolah berkenaan bagi menjalankan kajian rintis ini. Dari ujian rintis tersebut, nilai alpha yang diperolehi bagi keseluruhan alat pengukuran *Children's Depression Inventory* ialah 0.73 manakala *The Coopersmith Self-Esteem Inventory* pula ialah 0.68.

Analisis data

Data-data yang dikumpulkan akan diberi markah dan dikodkan untuk dianalisis mengikut kaedah statistik menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11*.

Bagi data maklumat diri pelajar, akan dihuraikan secara deskriptif dengan menggunakan peratus. Sementara sifat hubungan antara penghargaan sendiri dan kemurungan dengan pencapaian akademik diukur dengan menggunakan korelasi Pearson manakala untuk melihat perbezaan hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan dengan pencapaian akademik mengikut jantina, ujian - t akan digunakan. Untuk mengukur sama ada penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar atau tidak, kaedah regresi digunakan.

Cara pemarkahan

Pencapaian akademik

Dalam kajian ini, pencapaian akademik dilihat berdasarkan purata nilai gred bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Penentuan gred adalah seperti dijadual 4 di bawah:

Jadual 4: Penentuan gred dan nilai gred pencapaian akademik

Gred	Nilai gred
A	4
B	3
C	2
D	1

Jumlah nilai gred bagi empat mata pelajaran tersebut dibahagi empat untuk mendapatkan purata nilai gred. Purata nilai gred ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu pencapaian akademik tinggi dan pencapaian akademik rendah seperti dijadual 5 di bawah:

Jadual 5: Kategori bagi purata nilai gred pencapaian pelajar

Purata nilai gred	Kategori
3.00 dan ke atas	Pencapaian akademik tinggi
2.99 dan ke bawah	Pencapaian akademik rendah

Children's Depression Inventory

Setiap item dalam ujian *Children's Depression Inventory* mengandungi tiga kenyataan yang diberi skor 0, 1, dan 2. Bagi kenyataan yang menggambarkan tentang keadaan negatif yang tinggi akan diberi skor 2 dan seterusnya skor 1 dan 0 kepada kenyataan yang semakin kecil negatifnya. Ini bermakna jumlah skor yang paling tinggi yang boleh diperolehi ialah 54 (dari jumlah 27 item) dan yang paling minima ialah 0. Contoh pemarkahan item pertama:

1. Sekali sekala sahaja saya merasa sedih
- Kerap kali saya merasa sedih
- Sepanjang masa saya merasa sedih

Berdasarkan item di atas, responden akan diberi skor 0 kalau jawapannya '*sekali sekala sahaja saya merasa sedih*' dan akan diberi skor 2 kalau dia memilih jawapan '*sepanjang masa saya merasa sedih*'. Begitulah untuk skor bagi item-item berbentuk negatif berikutnya.

Bagi item-item yang berbentuk positif pula diberi skor 0, 1, dan 2. Kenyataan yang paling kuat nilai positifnya diberi skor 0 dan kenyataan yang kurang nilai positifnya diberi skor 1 dan 2. Contoh item yang berbentuk positif ialah:

3. Kebanyakan kerja yang saya lakukan adalah baik
- Banyak perkara yang saya lakukan adalah salah
- Semua perkara yang saya lakukan adalah salah

Responden yang memilih '*kebanyakan kerja yang saya lakukan adalah baik*' akan diberi skor 0 dan yang memilih jawapan '*semua perkara yang saya lakukan adalah salah*' akan diberi skor 2.

Senarai item yang berbentuk negatif dan positif dalam alat tersebut adalah seperti dalam jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Item-item positif dan negatif dalam *Children's Depression Inventory*

Bentuk item	No. item
Negatif	2,5,7,8,10,11,13,15,16,18,21,24, dan 25
Positif	1,3,4,6,9,12,14,17,19,20,22,23,26, dan 27

Kovacs (1981; dalam Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor, 1993) menggunakan median 13 untuk mengkategorikan tahap kemurungan responden iaitu bagi responden yang mendapat median melebihi 13 dikategorikan berada di tahap murung yang tinggi dan kurang daripada itu adalah responden yang rendah tahap murungnya.

Coopersmith Self-Esteem Inventory

Tiap-tiap item yang terkandung dalam alat Self-Esteem Inventory ini diberi skor 1 dan 2. Responden yang memberi jawapan 'YA' akan diberi skor 2 dan skor 1 bagi jawapan 'TIDAK'. Oleh kerana item-item dalam alat ujian ini juga mengandungi kenyataan-kenyataan positif dan negatif, maka skor yang diberikan ini akan berbeza bagi tiap-tiap item.

Bagi item yang berbentuk positif, skor 2 diberi kepada jawapan 'YA' dan 1 bagi jawapan 'TIDAK'. Contoh item positif ialah:

	YA	TIDAK
1. Tidak ada perkara yang mengganggu saya	()	()

Bagi item yang berbentuk negatif, jawapan 'YA' diberi skor 1 dan jawapan 'TIDAK' diberi skor 2. Contoh item yang berbentuk negatif ialah:

	YA	TIDAK
2. Saya rasa sukar untuk bercakap di hadapan kelas	()	()

Responden yang mempunyai jumlah skor yang tinggi dikategorikan sebagai individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi manakala jumlah skor yang rendah dikategorikan sebagai individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah.

Item-item yang berbentuk negatif dan positif dalam alat ujian Self-Esteem Inventory ini ialah seperti dijadual 7:

Jadual 7 : Item-item yang berbentuk negatif dan positif dalam alat ujian *Self-Esteem Inventory*

Bentuk item	Jawapan		Nombor item
	Ya	Tidak	
Positif	2	1	1,3,4,5,8,9,11,12,14,19,20, dan 22
Negatif	1	2	2,6,7,10,13,15,16,17,18,21,23,24, dan 25

Kebolehpercayaan alat pengukuran

Children's Depression Inventory (CDI)

Kovacs (1979) melaporkan kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi CDI ialah antara 0.71 hingga 0.89 (*coefficient alpha*) dan 0.74 hingga 0.83 (*coefficient test-retest*). Hasil kebolehpercayaan instrumen tersebut diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan oleh beliau ke atas 1,266 orang pelajar (592 orang pelajar lelaki dan 674 orang pelajar perempuan) dari sekolah harian biasa. Pelajar-pelajar ini telah beliau bahagikan kepada dua kumpulan mengikut kumpulan umur iaitu 6 hingga 11 tahun dan 12 hingga 17 tahun.

Berdasarkan kajian yang dilakukan di Malaysia oleh Wan Zainab Othman (1990) dengan menggunakan kaedah *Cronbach's Alpha* didapati keputusan

kebolehpercayaan bagi alat CDI adalah 0.69. Manakala ujian yang dilakukan oleh Shamsuddin Mahmud (1990) mendapati keputusan kebolehpercayaan bagi alat CDI adalah 0.80. Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor (1993) pula melaporkan kebolehpercayaan ketekalan dalaman inventori ini ialah 0.76 yang dikira dengan menggunakan analisis varians pengukuran berulang (repeated measures of ANOVA). Sementara itu, nilai kebolehpercayaan alat pengukuran CDI dalam kajian ini yang dikira dengan kaedah *Cronbach's Alpha* juga adalah tinggi iaitu 0.92. Ini menunjukkan bahawa ketekalan bagi alat ini untuk mengukur kemurungan pelajar di Malaysia adalah boleh diterima.

The Coopersmith Self-Esteem Inventory

Alat ini telah dibuktikan kebolehpercayaan berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Herz dan Gullone (dalam Coopersmith, 1981) ke atas 238 remaja yang terdiri daripada 118 remaja yang berbangsa Anglo-Australian dan 120 remaja Vietnamese-Australian yang berumur antara 12 hingga 19 tahun. Pengkaji mendapati bahawa ketekalan dalaman yang diperolehi adalah 0.88 dari remaja Anglo-Australian dan 0.79 dari remaja Vietnamese-Australian yang menggunakan *coefficient alpha*. Ini bermakna alat *Coopersmith Self-Esteem Inventory* adalah tekal dan boleh dipercayai.

Di Malaysia, alat ini telah digunakan oleh Wan Zainab Othman (1990) di Kelantan dan telah diuji kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah

Cronbach's Alpha iaitu 0.64. Manakala Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor (1993) pula mendapati alat pengukuran mempunyai ketekalan dalaman yang sederhana tinggi di mana nilai pekali yang dikira dengan analisis varians pengukuran berulang ialah 0.68. Seterusnya, hasil kebolehpercayaan alat SEI dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah *Cronbach's Alpha* adalah tinggi iaitu 0.85. Ini bermakna kebolehpercayaan alat ujian ini untuk mengukur penghargaan sendiri di Malaysia adalah tekal dan boleh dipercayai.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Pendahuluan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian tentang hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar tingkatan empat. Keputusan kajian ini dihuraikan mengikut latar belakang responden dan hipotesis kajian. Hasil dapatan pengujian hipotesis diperolehi dari keputusan yang dibuat melalui analisis statistik kaedah korelasi mudah Pearson, ujian t dan regresi. Data yang dianalisis dengan menggunakan kaedah korelasi mudah Pearson digunakan untuk melihat hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar. Ujian t digunakan untuk melihat perbezaan jantina ke atas penghargaan sendiri dan kemurungan. Manakala kaedah regresi digunakan untuk melihat sejauhmanakah hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Seterusnya, bab ini membuat perbincangan hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan kepada persoalan kajian yang mana ia menjawab kepada soalan penyelidikan dalam kajian ini.

Keputusan

Latar Belakang Responden

Maklumat dan latar belakang responden kajian ini telah dibentangkan di dalam jadual 8 hingga 13.

Jadual 8: Taburan responden mengikut sekolah

Sekolah	Kekerapan	Peratus
SMK Bachok	50	25.0
SMK Badak	50	25.0
SMK Jelawat	50	25.0
SMK (A) Tangok	50	25.0
JUMLAH	200	100.0

Jadual 8 di atas menunjukkan bilangan responden dalam kajian ini mengikut sekolah. Taburan responden bagi setiap sekolah di SMK Bachok, SMK Badak, SMK Jelawat dan SMK (A) Tangok ialah masing-masing sebanyak 50 orang (25%).

Jadual 9: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	100	50.0
Perempuan	100	50.0
JUMLAH	200	100.0

Seterusnya, berdasarkan jadual 9 di atas pula ia menunjukkan bilangan pelajar lelaki dan perempuan mengikut jantina yang mana bilangan tersebut adalah sama iaitu masing-masing seramai 100 orang (50%).

Jadual 10: Taburan responden mengikut bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	198	99.0
Cina	1	0.5
Lain-lain	1	0.5
JUMLAH	200	100.0

Manakala jadual 10 pula menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya responden dalam kajian ini

terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 198 orang pelajar (99%) daripada 200 pelajar. Manakala hanya 0.5% (1 orang) untuk bangsa Cina dan lain-lain.

Jadual 11: Taburan responden mengikut aliran

Aliran	Kekerapan	Peratus
Sains	100	50.0
Sastera	100	50.0
JUMLAH	200	100.0

Berdasarkan jadual 11 di atas pula, iaitu taburan responden mengikut aliran, didapati bilangan pelajar dari aliran sains adalah seramai 100 orang (50%) begitu juga pelajar dari aliran sastera.

Jadual 12: Pencapaian akademik pelajar mengikut tahap

Tahap	Kekerapan	Peratus
Pencapaian akademik tinggi	83	41.5
Pencapaian akademik rendah	117	58.5
JUMLAH	200	100.0

Jadual 12 menunjukkan pencapaian akademik pelajar mengikut tahap sama ada mempunyai pencapaian akademik di tahap tinggi atau rendah. Didapati seramai 83 orang pelajar iaitu 41.5% merupakan pelajar yang pencapaian akademiknya adalah tinggi dan selebihnya iaitu 117 orang pelajar (58.5%) adalah pelajar yang pencapaian akademiknya berada di tahap yang rendah. Ini menunjukkan sebilangan besar responden dalam kajian ini mempunyai pencapaian akademik di tahap yang rendah.

Dalam kajian ini, cara pemarkahan untuk menentukan tahap pencapaian akademik pelajar dikira berdasarkan purata nilai gred bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Jumlah nilai gred bagi empat mata pelajaran tersebut dibahagi empat untuk mendapatkan purata nilai gred. Seterusnya purata nilai gred ini dibahagikan kepada dua tahap sebagaimana dijadual 12.

Jadual 13: Analisis keputusan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains mengikut gred

Gred	Kekerapan	Peratus
BAHASA MELAYU		
A	54	27.0
B	99	49.5
C	41	20.5
D	6	3.0
Jumlah	200	100.0
BAHASA INGGERIS		
A	18	9.0
B	31	15.5
C	88	44.0
D	63	31.5
Jumlah	200	100.0
MATEMATIK		
A	57	28.5
B	62	31.0
C	47	23.5
D	34	17.9
Jumlah	200	100.0
SAINS		
A	57	28.5
B	87	43.5
C	47	23.5
D	9	4.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 13 merupakan analisis keputusan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains mengikut gred A, B, C dan D. Berdasarkan jadual tersebut, sebahagian besar pelajar mencapai gred B dalam mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu seramai 99 orang pelajar (49.5%) diikuti dengan gred A seramai 54 orang pelajar (27.0%), C seramai 41 orang pelajar (20.5%) dan D hanya 6 orang pelajar sahaja dengan nilai 3.0%.

Untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris kebanyakan pelajar berada di tahap yang sederhana pencapaiannya iaitu seramai 88 orang pelajar (44%) yang berada di gred C, gred D seramai 63 orang pelajar (31.5%), gred B terdapat 31 orang pelajar (15.5%) dan hanya 18 orang pelajar sahaja (9.0%) yang mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Manakala untuk mata pelajaran Matematik, terdapat 57 orang pelajar (28.5%) berada di gred A, 62 orang pelajar (31.0%) gred B, 47 orang pelajar (23.5%) gred C dan 34 orang pelajar (17.0%) berada di gred D. Seterusnya, bagi mata pelajaran Sains pula, terdapat 9 orang pelajar sahaja yang mendapat gred D, 47 orang pelajar mendapat gred C diikuti gred A seramai 57 orang pelajar dan gred B seramai 87 orang pelajar.

Pengujian Hipotesis

Hipotesis Pertama

H₀₁ - Tiada hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat

Jadual 14: Analisis Statistik Deskriptif Min, Min Item dan Sisihan Piawai Pembolehubah Kajian

Pembolehubah	N	Bil.item	Min	Min item	S.P
Kemurungan	200	27	20.66	0.76	9.90
Penghargaan Kendiri	200	25	37.25	1.49	5.61
Pencapaian Akademik	200	-	10.69	-	2.92

Jadual 14 di atas merupakan analisis statistik deskriptif min, min item dan sisihan piawai bagi pembolehubah kemurungan, penghargaan sendiri dan pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan jadual tersebut, didapati skor min pembolehubah kemurungan ialah 20.66 dengan nilai min item 0.76. Skor min bagi pembolehubah penghargaan sendiri ialah 37.25 dengan nilai min item 1.49 manakala skor min pencapaian akademik pula ialah 10.69.

Jadual 15: Analisis Korelasi Pearson antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik pelajar

Hubungan	N	Nilai Pekali Korelasi (r)	p
Penghargaan sendiri dan pencapaian akademik	200	.405**	.000

Nota: ** $p < .01$ (2-ekor)

Untuk menguji hubungan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik, analisis Korelasi Pearson digunakan. Berdasarkan kepada jadual 15 di atas menunjukkan korelasi yang positif dan signifikan di antara penghargaan sendiri dan pencapaian akademik di mana $r_{(200)} = .405$, $p = 0.001$.

Ini menunjukkan bahawa data yang diperolehi dapat menolak hipotesis nul iaitu tiada hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dan pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah memiliki penghargaan sendiri yang rendah atau negatif. Manakala pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri tinggi merupakan pelajar yang tahap pencapaian akademiknya adalah tinggi.

Oleh itu, hipotesis pertama yang dibina menyatakan tiada hubungan signifikan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik pelajar adalah ditolak.

Hipotesis Kedua

H₀₂ - Tiada hubungan yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat

Jadual 16: Analisis Korelasi Pearson antara kemurungan dengan pencapaian akademik serta antara kemurungan dengan penghargaan sendiri

Hubungan	N	Nilai Pekali Korelasi (r)	p
Kemurungan dan pencapaian akademik	200	-.679**	.000
Kemurungan dan penghargaan sendiri	200	-.54**	.000

Nota: ** $p < .01$ (2-ekor)

Berdasarkan kepada jadual 16 di atas, analisis data menunjukkan wujudnya korelasi yang negatif dan signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik di mana nilai $r_{(200)} = -.679$, $p = 0.001$. Di samping itu, jadual di atas juga menunjukkan terdapat korelasi yang negatif dan signifikan di antara kemurungan dengan penghargaan sendiri di mana nilai $r_{(200)} = -.54$, $p = 0.001$.

Hasil dari analisis ini membuktikan bahawa pelajar mengalami kemurungan yang tinggi mempunyai pencapaian akademik yang rendah manakala bagi pelajar

yang kemurungan berada di tahap rendah pula mempunyai pencapaian akademik yang baik.

Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan hipotesis kedua dalam kajian ini iaitu tiada hubungan yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar tingkatan empat adalah ditolak.

Hipotesis Ketiga

H₀₃ - Tiada perbezaan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik mengikut jantina

Jadual 17: Analisis min, sisihan piawai dan ujian t penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik mengikut perbezaan jantina

Pembolehubah		N	Min	S.P	t	df	p
Penghargaan sendiri	Lelaki	100	36.98	6.42	-.679	198	.498
	Perempuan	100	37.52	4.68			
Kemurungan	Lelaki	100	20.27	10.43	-.556	198	.579
	Perempuan	100	21.05	9.37			
Pencapaian akademik	Lelaki	100	10.64	3.00	-.265	198	.791
	Perempuan	100	10.75	2.86			

Untuk melihat perbezaan jantina dalam penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik, analisis ujian t tidak bersandar telah digunakan. Berdasarkan jadual 17, analisis data menunjukkan tiada hubungan signifikan dalam penghargaan sendiri mengikut jantina di mana nilai $t_{(198)} = -.6679$, $p=0.498$. Jika dilihat perbezaan min lelaki dan perempuan dalam penghargaan sendiri, markat min bagi lelaki ialah 36.98 manakala markat min perempuan 37.52. Perbezaan min antara lelaki dan perempuan adalah begitu kecil dan tiada signifikan.

Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan dalam penghargaan sendiri mengikut faktor jantina. Oleh itu, hipotesis nul yang telah dinyatakan di atas adalah diterima.

Hipotesis Keempat

H₀₄ - Tiada perbezaan yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik mengikut jantina

Berdasarkan jadual 17, keputusan yang diperolehi menunjukkan tiada hubungan signifikan dalam kemurungan mengikut jantina di mana $t_{(198)} = -.556$, $p=.579$. Dapatan ini memperlihatkan bahawa faktor perbezaan jantina dalam kemurungan juga tidaklah begitu signifikan sebagaimana seperti dalam penghargaan sendiri. Begitu juga dengan perbezaan jantina dalam pencapaian

akademik yang menunjukkan tiada hubungan yang wujud di mana $t_{(198)} = -.265$, $p = .791$. Oleh itu, hipotesis nul kajian yang dibina ini juga adalah diterima.

Hipotesis Kelima

H₀₅ - Tiada hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar.

Jadual 18: Analisis Ringkasan Model Linear Regresi

Model	R	R ²	Adjusted R ²
1	.681	.463	.458

Jadual 19: Analisis Korelasi Regresi Mudah penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar.

Model	Jumlah	df	Min	F	p
1 Regresi	790.556	2	395.278	85.026	.000
Residual	915.839	197	4.649		
Jumlah	1706.395	199			

Jadual 20: Analisis nilai pekali regresi mudah kemurungan dan penghargaan sendiri

Model	b	B	Nilai t	p
Kemurungan	-.193	-.651	-10.486	.000
Penghargaan sendiri	2.703E-02	.052	.835	.405

Jadual 18 menunjukkan ringkasan model bagi Linear Regresi di mana nilai $R=.458$. Analisis ringkasan model Linear Regresi ini telah dianalisis dengan menggunakan kaedah “enter”.

Di dalam jadual 19 pula menunjukkan analisis korelasi Regresi Mudah bagi penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar di mana nilai $F_{(2,197)}=85.02$, $p=0.001$.

Seterusnya, bagi menganalisis hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar, analisis regresi telah digunakan. Berdasarkan jadual 20, hasil keputusan menunjukkan pembolehubah bebas kemurungan berhubung secara signifikan ke atas pencapaian akademik pelajar berbanding pembolehubah bebas penghargaan sendiri di mana nilai $t=-10.48$, $p=0.001$.

Hasil penemuan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah sebenarnya merupakan individu yang mengalami kemurungan yang tinggi. Ini bermakna, pembolehubah kemurungan mempunyai hubungkait secara signifikan ke atas pencapaian akademik pelajar jika dibandingkan dengan pembolehubah penghargaan sendiri.

Oleh itu, hipotesis nul dalam kajian ini iaitu tiada hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik

pelajar adalah ditolak kerana keputusan menunjukkan pembolehubah penghargaan sendiri tidak mempunyai hubungkait secara signifikan di mana nilai $t=.835$, $p=.405$. Manakala pembolehubah kemurungan pula mempunyai hubungan dan pengaruh ke atas pencapaian akademik pelajar. Hasil dapatan ini menunjukkan hubungkait dan pengaruh pembolehubah penghargaan sendiri ke atas pencapaian akademik pelajar adalah tidak signifikan di mana nilainya adalah kecil jika dibandingkan dengan kemurungan yang lebih signifikan.

Ini bermakna, hasil penemuan ini juga membayangkan bahawa sebahagian besar kemerosotan pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh tahap kemurungan yang dialami mereka. Walaupun penghargaan sendiri turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, namun hubungkait dan nilai pengaruhnya adalah begitu kecil sebagai penyumbang kepada pencapaian akademik pelajar.

Perbincangan

Perbincangan yang dibuat adalah untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan dalam kajian ini iaitu adakah penghargaan sendiri mempunyai hubungkait dengan pencapaian akademik pelajar; adakah kemurungan yang dialami oleh pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar; adakah terdapat perbezaan penghargaan sendiri di kalangan pelajar tingkatan empat

mengikut jantina; adakah terdapat perbezaan tahap kemurungan di kalangan pelajar tingkatan empat mengikut jantina; dan adakah penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?

Hubungan penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik

Dalam kajian ini, keputusan yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan di antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna pelajar yang penghargaan sendiri adalah rendah berkecenderungan mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Bagi pelajar yang penghargaan kendirinya tinggi mereka biasanya mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Penemuan kajian ini menyokong kajian-kajian sebelumnya yang telah dibuat di barat dan juga pengkaji tempatan sendiri.

Kajian-kajian yang dibuat di barat seperti kajian oleh Alves-Martins, Peixoto, Gouveia-Pereira, Amaral dan Pedro (2002), Yelsma dan Yelsma (1998), Quatman, Sampson, Robinson dan Watson (2001), Chetcuti dan Griffiths (2002) dan Puzer Muhamad (1998) telah menunjukkan keputusan kajian yang selari dengan keputusan ini. Kajian-kajian yang telah mereka jalankan menunjukkan wujudnya hubungan yang positif dan signifikan di antara penghargaan sendiri dan pencapaian akademik di kalangan pelajar.

Hasil penemuan kajian ini menunjukkan bahawa aspek penghargaan sendiri merupakan antara faktor yang mempunyai hubungkait dengan kejayaan seseorang pelajar dalam pencapaian akademik sama ada memperolehi kecemerlangan atau sebaliknya. Bagi pelajar yang penghargaan kendirinya tinggi, sudah pasti tidak mempunyai masalah untuk memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang. Manakala bagi pelajar yang penghargaan sendiri adalah rendah, mereka berkemungkinan cenderung memperolehi pencapaian akademik rendah. Ini bermakna, pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik berbanding mereka yang penghargaan kendirinya adalah rendah.

Menurut Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (1997), penghargaan sendiri yang tinggi akan menggalakkan proses pembelajaran seseorang individu. Bagi pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan belajar dengan gembira dan mudah daripada individu yang merasakan dirinya kekurangan. Prestasi pelajar ini juga berkemungkinan lebih meningkat oleh sebab pemikiran dan perasaan yakin serta semangat yang ada pada pelajar tersebut.

Hubungan kemurungan dengan pencapaian akademik

Hasil dapatan yang diperolehi dari kajian ini mendapati bahawa wujudnya korelasi yang negatif dan signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian

akademik. Keputusan ini membuktikan bahawa pelajar yang mengalami kemurungan yang tinggi mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Manakala bagi pelajar yang mempunyai kemurungan tahap rendah mereka biasanya lebih cenderung mencapai kecemerlangan dalam pencapaian akademik.

Hasil penemuan keputusan dalam kajian ini adalah selari dan menyokong kajian-kajian yang telah dibuat oleh Blechman, Mc Enroe, Corella dan Audette (1986), Weinberg dan rakan-rakan (1989), Heiligenstein, Guenther dan Herman (2000), Brian, Murray dan Ian (2002), Jennifer dan Kenneth (2003) dan Shamsuddin Mahmud (1990).

Hasil kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji tersebut menunjukkan bahawa kemurungan mempunyai hubungan songsang yang signifikan dengan pencapaian akademik. Shamsuddin Mahmud (1990) telah menjalankan kajian ke atas 196 orang pelajar dari dua buah sekolah menengah di Kedah mendapati terdapat hubungan negatif dan signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik pelajar.

Menurut Iran Herman dan Asmah Bee Mohd. Noor (1993; dalam Asmah Bee Mohd. Noor dan Iran Herman, 1995) kemurungan yang biasanya dialami oleh remaja akan memberi kesan terhadap kecemerlangan prestasi akademik pelajar. Ini bermakna kemurungan merupakan faktor yang penting dalam menentukan

pencapaian akademik seseorang pelajar sama ada cemerlang atau sebaliknya kerana hasil daripada kajian sebelum ini memperlihatkan bahawa kemurungan mempunyai hubungan songsang yang signifikan dengan kemerosotan dalam pencapaian akademik pelajar.

Penghargaan sendiri mengikut jantina

Di dalam kajian ini didapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam penghargaan sendiri mengikut jantina. Hasil kajian dapatan ini adalah tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh Dai (2001), Turner, Pickering dan Johnson (1998), Seita dan Owen (1992) serta kajian dari Holland dan Andre (1994). Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dalam penghargaan sendiri mengikut jantina. Keputusan mereka ini mendapati penghargaan sendiri di kalangan pelajar perempuan lebih rendah jika dibandingkan dengan pelajar lelaki.

Walaupun bagaimanapun, perbezaan jantina dalam kajian-kajian tersebut adalah berbeza dari segi kumpulan umur yang dikaji. Walaupun terdapat perbezaan dari segi kumpulan umur yang dikaji, hasil kajian mereka telah menunjukkan bahawa penghargaan sendiri pelajar lelaki adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar perempuan yang rendah tahap penghargaan sendiri.

Namun begitu, terdapat kajian-kajian lalu yang konsisten dengan hasil kajian ini. Keputusan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Chapman dan Mullis (2002) dan Mullis, Mullis dan Normandin (1992) ke atas 361 pelajar sekolah peringkat menengah dan tinggi menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam penghargaan sendiri adalah selari dengan penemuan kajian ini. Ini bermakna perbezaan jantina bukanlah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan penghargaan sendiri di kalangan pelajar.

Keputusan kajian yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam penghargaan sendiri mengikut jantina adalah berkemungkinan disebabkan oleh responden pelajar lelaki dan perempuan dalam kajian ini memiliki tahap pemikiran dan tanggapan yang lebih kurang sama terhadap diri sendiri, sekolah, keluarga, rakan sebaya dan persekitarannya. Keputusan kajian yang diperolehi ini juga sebenarnya bergantung kepada ketepatan maklumat yang diberikan oleh responden. Oleh itu, jika terdapat perbezaan jantina dalam penghargaan sendiri ia sebenarnya adalah tidak begitu ketara kerana nilai perbezaannya yang begitu kecil.

Kemurungan mengikut jantina

Keputusan yang diperolehi dari kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan secara signifikan dalam kemurungan mengikut jantina. Hasil dapatan kajian ini

adalah tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Hasil kajian yang dibuat oleh Allison, Roeger, Martin dan Keevas (2001), Jean, Nolen-Hoeksema dan Susan (2002), Reynolds (1984), Friedrich, Reams dan Jacobs (1988) dan Chevron, Quinlan dan Blatt (1978) menunjukkan wujudnya perbezaan jantina yang signifikan dalam kemurungan. Namun begitu, kumpulan umur yang dikaji oleh setiap pengkaji ini adalah berbeza iaitu ada kumpulan umur yang di antara 8 hingga 16 tahun, 13 hingga 18 tahun dan terdapat juga responden di peringkat universiti. Walau bagaimanapun, hasil kajian mereka mendapati sebahagian besar pelajar yang mengalami kemurungan adalah pelajar perempuan jika dibandingkan dengan pelajar lelaki.

Keputusan kajian ini yang menunjukkan tidak terdapat hubungan secara signifikan dalam kemurungan mengikut jantina berkemungkinan kemurungan yang dialami oleh responden lelaki dan perempuan dalam kajian ini mempunyai tahap kemurungan yang tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Sekiranya wujud perbezaan mengikut jantina, nilai tersebut adalah tidak begitu ketara. Ini bermakna kemurungan itu sebenarnya wujud dalam setiap diri pelajar lelaki mahupun perempuan.

Pengaruh penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik

Hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian pelajar dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan kaedah regresi. Data yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan pembolehubah bebas kemurungan mempunyai hubungan secara signifikan ke atas pencapaian akademik pelajar berbanding penghargaan sendiri. Namun begitu, pembolehubah bebas penghargaan sendiri juga sebenarnya mempunyai hubungkait ke atas pencapaian akademik pelajar cuma nilai pengaruhnya begitu kecil jika dibandingkan dengan kemurungan dan tidak signifikan.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Wan Zainab Othman (1990) yang mendapati kemurungan mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi akademik di kalangan pelajar. Di samping itu, keputusan beliau juga mendapati kemurungan mempunyai hubungan signifikan dengan penghargaan sendiri seseorang pelajar.

Pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi lebih berorientasi ke arah kejayaan, lebih aktif, menyayangi dirinya dan mempunyai wawasan. Sebaliknya pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah cenderung untuk bersikap pasif, negatif dan selalu mengasingkan diri. Sifat-sifat yang terdapat pada pelajar yang rendah penghargaan sendiri ini sebenarnya

menyebabkan mereka mudah membentuk perasaan negatif terhadap diri sendiri yang seterusnya membawa mereka mengalami kemurungan dan akhirnya memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka.

Manakala kajian yang telah dibuat oleh DeMan, Gutierrez dan Sterk (2001) juga menyokong hasil penemuan ini yang mana hasil kajian mereka ke atas 131 pelajar universiti di Canada – Bishop's University menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemurungan dengan penghargaan sendiri ke atas pencapaian akademik pelajar.

Seterusnya didapati hasil dapatan penemuan dalam kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh Wan Zainab Othman (1990) serta DeMan dan rakan-rakan (2001) adalah berbeza dengan kajian yang dibuat oleh Bartell dan Reynolds (1996) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kemurungan dan penghargaan sendiri dalam pencapaian akademik pelajar.

Namun begitu, hasil keputusan dari kajian ini memperlihatkan bahawa pembolehubah bebas penghargaan sendiri dan kemurungan telah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tetapi hubungkait dan pengaruh kemurungan ke atas pencapaian akademik adalah lebih besar nilainya daripada penghargaan sendiri. Ini bermakna kemerosotan pencapaian akademik pelajar lebih berhubungkait dengan kemurungan yang dialami oleh mereka sendiri.

BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Pendahuluan

Bab ini terdiri daripada rumusan tujuan kajian, rumusan keputusan kajian, mengemukakan cadangan-cadangan untuk kajian selanjutnya dan penutup bagi menyimpulkan kajian ini secara keseluruhan.

Rumusan

Rumusan tujuan kajian

Kajian penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat ini bertujuan untuk melihat hubungan antara penghargaan sendiri dan kemurungan dengan pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, kajian ini juga cuba melihat sejauhmanakah hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Seterusnya, kajian ini juga cuba untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan penghargaan sendiri mahupun kemurungan di kalangan pelajar mengikut jantina.

Rumusan keputusan kajian

Daripada keputusan kajian yang diperolehi, ia menunjukkan bahawa penghargaan sendiri dan kemurungan merupakan salah satu di antara faktor yang berhubungkait dengan pencapaian akademik pelajar sama ada cemerlang atau sebaliknya. Namun begitu, sumbangannya dalam memperihalkan pencapaian akademik pelajar adalah tidak secara menyeluruh. Ini bermakna, terdapat faktor-faktor lain yang tidak dikaji oleh penyelidik seperti faktor dari rakan sebaya, keluarga, sekolah, sikap dan motivasi pelajar itu sendiri.

Walau bagaimanapun, beberapa rumusan dapat dibuat berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi. Pertama, terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penghargaan sendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Keputusan ini menunjukkan pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik tinggi juga merupakan mereka yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi. Manakala pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik rendah pula menunjukkan mereka memiliki penghargaan sendiri yang rendah.

Kedua, terdapat hubungan negatif dan signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat. Keputusan ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah adalah pelajar yang mengalami kemurungan yang tinggi dan

pelajar-pelajar yang pencapaian akademiknya tinggi pula menunjukkan mereka mengalami kemurungan yang rendah.

Ketiga, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik mengikut perbezaan jantina. Kajian ini mendapati perbezaan jantina tidak wujud secara nyata dalam penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat dari segi jantina adalah tidak begitu secara signifikan kerana nilai perbezaan yang begitu kecil.

Hasil penemuan yang diperolehi ini berkemungkinan menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini merupakan pelajar-pelajar yang memiliki penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik yang tidak jauh bezanya di antara satu sama lain. Selain itu, ketepatan maklumat yang diperlukan juga adalah bergantung kepada keupayaan responden tersebut. Justeru itu, keputusan yang didapati ini menunjukkan perbezaan jantina dalam penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik adalah tidak begitu signifikan.

Keempat, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar. Keputusan kajian ini menunjukkan pencapaian akademik pelajar mempunyai

hubungan negatif dan signifikan dengan kemurungan sahaja. Ini bermakna, hubungan penghargaan sendiri ke atas pencapaian akademik adalah tidak begitu berhubungkait jika dibandingkan dengan kemurungan.

Cadangan

Cadangan kajian selanjutnya

Untuk menjalankan kajian seterusnya pada masa akan datang, diharapkan kajian ini dapat dikembangkan dan dilanjutkan lagi bagi memperolehi dapatan-dapatan yang boleh memberi manfaat. Memandangkan kajian ini hanya melibatkan empat buah sekolah di daerah Bachok, dicadangkan supaya kajian akan datang dapat memberi penumpuan kepada responden yang lebih meluas seperti menjalankan kajian ini di setiap peringkat umur di sesebuah sekolah.

Selain itu juga, disarankan agar kajian seterusnya menjalankan kajian berbentuk perbandingan seperti kajian ke atas sekolah-sekolah di satu daerah dengan daerah yang lain dan satu negeri dengan negeri yang lain. Pengkaji seterusnya juga boleh melihat perbandingan antara penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar dari segi pelajar sekolah harian biasa dengan pelajar sekolah berasrama, pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera, perbandingan pelajar-pelajar dari aliran sains, sastera, agama, teknik serta vokasional, juga boleh dibuat perbandingan antara pelajar luar

bandar dan luar bandar. Di samping itu, pengkaji seterusnya juga boleh membuat perbandingan mengikut kumpulan umur, jantina atau bangsa.

Seterusnya, dicadangkan juga agar kajian akan datang dapat memperluaskan pembolehubah bebas yang hendak dikaji seperti dimasukkan aspek motivasi pencapaian dan kegiatan ko-kurikulum. Ini kerana ia akan memberi gambaran yang lebih jelas dan terperinci untuk menerangkan hubungan pembolehubah-pembolehubah bebas yang lain dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Penyelidikan masa hadapan juga boleh menggunakan kaedah selain daripada soal selidik, contohnya temubual untuk memperolehi maklumat yang lebih spesifik dan terperinci.

Akhir sekali, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi panduan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada agar dapat melahirkan satu kajian yang lebih baik.

Penutup

Rumusan daripada kajian ini menggambarkan secara keseluruhan aspek hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar, perbezaan jantina dalam penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik serta melihat sejauhmana hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Keputusan yang diperolehi telah membuktikan bahawa terdapat hubungan secara signifikan dalam penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, hasil kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan secara signifikan di dalam aspek penghargaan sendiri, kemurungan dan pencapaian akademik mengikut perbezaan jantina. Seterusnya, hasil kajian ini juga membuktikan bahawa wujudnya hubungan penghargaan sendiri dan kemurungan ke atas pencapaian akademik. Namun begitu, hubungkait yang lebih besar yang berhubung ke atas pencapaian akademik pelajar adalah aspek kemurungan jika dibandingkan dengan penghargaan sendiri.

Dengan penemuan ini, ia memperlihatkan bahawa kemurungan yang dialami oleh setiap pelajar merupakan antara salah satu penyumbang yang berhubung ke atas kemerosotan pencapaian akademik pelajar. Justeru, semua pihak hendaklah memikirkan kaedah-kaedah yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Pihak sekolah khususnya perlu mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemurungan di kalangan pelajar agar prestasi pencapaian akademik pelajar yang mengalami kemurungan dapat diatasi. Ini kerana pelajar-pelajar pada hari ini sentiasa berhadapan dengan tekanan dari dalaman mereka sendiri dan juga tekanan dari luar seperti keluarga, sekolah, masyarakat dan negara.

Oleh itu, adalah diharapkan agar segala program yang akan dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah lebih menjuruskan kepada aspek pendekatan pembinaan emosi pelajar supaya mereka dapat mengetahui bagaimana cara-cara untuk mengendalikan perasaan dan tekanan secara bijaksana. Dengan harapan, semoga pelajar-pelajar pada hari ini dapat menjadi individu atau masyarakat yang sejahtera dari segi mental, berilmu dan mampu menghadapi sebarang cabaran dengan baik.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Alim Abdul Rahim. (2001). *Hubungan antara tahap peryertaan kokurikulum pelajar, pencapaian akademik dan penghargaan sendiri*. Tesis. USM.
- Allison, S., Roeger, L., Martin, G., & Keeves, J. (2001). Gender differences in the relationship between depression and suicidal ideation in young adolescents. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 35, 498-503.
- Alves-Martins, M., Peixoto, F., Gouveia-Pereira, M., Amaral, V., & Pedro, I. (2002). Self-Esteem and Academic Achievement Among Adolescents. *The Journal of Educational Psychology*, 22, 51-62.
- Asmah Bee Mohd. Noor & Iran Herman. (1995). *Membina kesejahteraan remaja*. Bangi: Tekno Edar .
- Abdul Rahman Abdul Rashid. (1996). *Panduan Latihan Mengajar*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bartell, N. P., & Reynolds, W. M. (1996). Depression and Self-Esteem in Academically Gifted and Nongifted Children: A Comparison Study. *Journal of School Psychology*, 24.
- Battle, J. (1994). *Promoting Self-Esteem, Achievement and Well Being: An Effective Instructional Curriculum for All Levels*. Edmonton: James Battle & Associates.
- Battle, J., Jarratt, L., Smith, S., & Precht. (1998). Relations Among Self-Esteem, Depression and Anxiety of Children. *Psychological Reports*, 62, 999-1005.

- Beck, A.B., & Steer, R.A. (1991). *Beck Depression Inventory*. New York: The Psychological Corporation.
- Brian, J., Murray, W. E., & Ian, P. C. (2002). Childhood Depression, Locus of Control and School Achievement. *Psychological Assessment, 14*(3), 365-373.
- Burke, R. J., & Weir, T. (1978). Benefit to Adolescents of Informal Helping Relationship with Parents and Peers. *Psychology Reports, 42*, 1175-1184.
- Chapman, P., & Mullis, A. (2002). Readdressing Gender Bias in the Coopersmith Self-Esteem Inventory – Short Form. *Journal of Genetic Psychology, 163*-166.
- Chetcuti, D., & Griffiths, M. (2002). The Implications for Student Self-esteem of Ordinary Differences in Schools: the cases of Malta and England. *British Educational Research Journal, 28* (4), 529-549.
- Chevron, E. S., Quinlan, D. M., & Blatt, S. J. (1978). Sex roles and gender differences in the experience of depression. *Journal of abnormal psychology, 87*(6), 680-683.
- Chubb, N. H., Fertman, C. I., & Ross, J. L. (1997). Adolescent self-esteem and locus of control: A longitudinal study of gender and age differences. *Adolescence, 32*, 113-126.
- Coopersmith, S. (1967). *The Antecedents of Psychological Testing*. New York: Harpers Row Publisher.
- Coopersmith, S. (1981). *Self-Esteem Inventories Manual*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press Inc.

- Dai, D. Y. (2001). A Comparison of Gender Differences in Academic Self-Concept and Motivation Between High-Ability Chinese Adolescents. *Journal of Secondary gifted Education, 13*, 22-26.
- DeMan, A. F., Gutierrez, B. I., & Sterk, N. (2001). Stability of Self-Esteem as Moderator of the Relationship Between Level of Self-Esteem and Depression. *North American Journal of Psychology, 3*, 303-308.
- Ellis, A. (1970). *Rational Emotive Therapy*. New York: Appleton Century Croft.
- Fleshbach, N. D., & Feshbach, S. (1987). Affective Process and Academic Achievement. *Child Development, 58*, 1335-1347.
- Frey, D., & Carlock, C. J. (1989). *Enhancing Self-Esteem*. Muncie: Indiana Accelerated Development Inc. Publishers.
- Friedrich, W. N., Reams, R., & Jacobs, J. H. (1988). Sex Differences In Depression In Early Adolescents. *Psychological Reports, 62*, 475-481.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakob. (1997). *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heiligenstein, E., Guenther, G., & Herman, K. (2000). Depression and Academic Impairment in College Students. *Journal of American College Health, 45*, 59-70.
- Holland, A., & Andre, T. (1994). The relationship of self-esteem to selected personal and environment resources of adolescents. *Adolescence, 29*, 345-360.
- Iran Herman & Asmah Bee Mohd. Noor. (1993). *Kemurungan di kalangan kanak-kanak: Mengenalpasti simptom dan hubungan kemurungan dengan*

beberapa pembolehubah terpilih. Laporan akhir penyelidikan 1983/1990.
UKM.

Jean, M. T., Nolen-Hoeksema, & Susan. (2002). Age, Gender, Race, Socioeconomic Status, and Birth Cohort Differences on the Children's Depression Inventory: A Meta-Analysis. *Journal of Abnormal Psychology*, 111, 578-588.

Jennifer, R. C., & Kenneth, G. R. (2003). Perfectionism and Ethnicity: Implications for Depressive Symptoms and Self-Reported Academic Achievement. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology*, 9(1), 64-78.

Jokosuyono. (1980). *Masalah Narkotika dan Bahan jenisnya*. Jogjakarta: Yayasan Kesisins.

Kamus Dewan. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kovacs, M. (1979). *Children's Depression Inventory: Technical Manual*. New York: Multi-Health Systems.

Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


Malhi, Ranjit Singh. (1997). *Mempertingkatkan Harga Diri*. Kuala Lumpur: Self-Esteem Seminar Sdn. Bhd.

Maslow, A. H. (1970). *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.

- Mullis, A. K., Mullis, R. L., & Normandin, D. (1992). Cross-sectional and longitudinal comparisons of adolescent self-esteem. *Adolescence*, 27, 51-60.
- Osman bin Noor. (1998). *Kemurungan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat*. Tesis. UUM.
- Puzer bin Haji Muhanad. (1998). *Penghargaan diri dan hubungannya dengan pencapaian akademik*. Tesis. UUM.
- Quatman, T., Sampson, K., Robinson, C., & Watson, C. M. (2001). Academic, Motivational and Emotional Correlates of Adolescent Dating. *Genetic, Social, and General Psychology Monographs*, 127(2), 211-234.
- Reynolds, W. M. (1984). Depression In Children and Adolescents: Phenomenology, Evaluation and Treatment. *School Psychology Review*, 13: 172-182.
- Reynolds, W. M., & Coats, K. (1982). Depression In Adolescents: Measurement. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 57, 253-283.
- Reynolds, W. M., & Could, J. (1981). A Psychometric Investigation of the Standard and Short Form Beck Depression Inventory. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 49, 306-307.
- Shamsuddin Mahmud. (1990). *Kemurungan di kalangan pelajar-pelajar yang rendah motivasi pencapaian dan rendah pencapaian akademik*. Latihan Ilmiah. UKM.
- Singgih, D. Gunarsa. (1982). *Psikologi Untuk Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Turner, L. A., Pickering, S., & Johnson, R. B. (1998). The relationship of attributional beliefs to self-esteem. *Adolescence*, 33, 477-484.
- Wan Zainab Othman. (1990). *Kemurungan di kalangan pelajar-pelajar yang rendah motivasi pencapaian dan rendah pencapaian akademik*. Latihan Ilmiah, UKM.
- Weinberg, W. A., Mc Lean, A., Snider, R. L., Nuckols, A. S., Rintelmann, J. W., & Erwin, P. R. (1989). Depression Learning Disability and School Behavior Problems. *Psychological Reports*, 64, 323-340.
- Weissman, M. M., & Paykel, E. S. (1974). *The Depression Women*. Chocago: The University of Chocago Press.
- Yanish, D. I., & Battle, J. (1995). Relationship Between Self-Esteem, Depression & Alcohol Consumption Among Adolescents, *Psychological Report*, 57, 345-357.
- Yelsma, P., & Yelsma, J. (1998). Self-Esteem and Social Respect Within the High School. *The Journal of Social Psychology*, 138, 432.

LAMPIRAN



SOAL SELIDIK KAJIAN

SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

Assalamualaikum,
Pelajar yang dihormati sekalian.

Anda telah dipilih sebagai responden bagi penyelidikan ini.

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan tajuk:

**Hubungan Penghargaan Kendiri dan Kemurungan
Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat**

Sehubungan dengan itu, saya memohon kerjasama pelajar sekalian agar dapat memberi maklumat berkaitan dengan penuh keikhlasan. Ketepatan hasil penyelidikan bergantung kepada keikhlasan anda memberikan maklumat dengan jujur. Segala maklumat yang diperolehi adalah sulit dan dirahsiakan. Maklumat yang diperolehi hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja.

Kerjasama dan penyertaan pelajar sekalian dalam soal selidik ini diucapkan ribuan terima kasih.

Khairul Bariyah binti Kassim
Program Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)
Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
Semester November, Sesi 2002/2003

BAHAGIAN A

MAKLUMAT DIRI PELAJAR

Arahan: Sila isikan maklumat mengenai diri anda. Tandakan di dalam ruangan yang disediakan.

1. Nama sekolah

- | | | |
|----------------|--------------------------|---|
| SMK Bachok | <input type="checkbox"/> | 1 |
| SMK Badak | <input type="checkbox"/> | 2 |
| SMK Jelawat | <input type="checkbox"/> | 3 |
| SMK (A) Tangok | <input type="checkbox"/> | 4 |

2. Jantina

- | | | |
|-----------|--------------------------|---|
| Lelaki | <input type="checkbox"/> | 1 |
| Perempuan | <input type="checkbox"/> | 2 |

3. Bangsa

- | | | |
|---------------------------------|--------------------------|---|
| Melayu | <input type="checkbox"/> | 1 |
| Cina | <input type="checkbox"/> | 2 |
| India | <input type="checkbox"/> | 3 |
| Lain-lain (sila nyatakan) _____ | | 4 |

4. Aliran pengajian/Tingkatan

- | | | |
|---------|--------------------------|---|
| Sains | <input type="checkbox"/> | 1 |
| Sastera | <input type="checkbox"/> | 2 |

Tingkatan (sila nyatakan) _____

5. Keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)

- | Matapelajaran | Gred |
|-----------------|----------------------------|
| Bahasa Melayu | <input type="checkbox"/> 1 |
| Bahasa Inggeris | <input type="checkbox"/> 2 |
| Matematik | <input type="checkbox"/> 3 |
| Sains | <input type="checkbox"/> 4 |

BAHAGIAN B

INVENTORI KEMURUNGAN

Arahan : Tandakan dalam ruang yang disediakan di sebelah kenyataan yang paling sesuai menggambarkan diri anda. Pilih hanya satu jawapan sahaja.

1. Sekali sekala sahaja saya merasa sedih
Kerap kali saya merasa sedih
Sepanjang masa saya merasa sedih 1
 2
 3
2. Apa yang saya buat semuanya tidak menjadi
Saya tidak pasti sama ada apa yang saya buat akan menjadi
Apa yang saya buat akan berjaya 1
 2
 3
3. Kebanyakan apa yang saya lakukan adalah baik
Banyak perkara yang saya lakukan adalah salah
Semua perkara yang saya lakukan adalah salah 1
 2
 3
4. Saya selalu merasa seronok
Saya merasa seronok dalam perkara-perkara tertentu sahaja
Tidak ada satu pun yang menyeronokkan saya 1
 2
 3
5. Sepanjang masa saya merasa tidak baik
Sering kali saya merasa tidak baik
Kadang kala saya merasa tidak baik 1
 2
 3
6. Sekali sekala saya memikirkan perkara yang tidak baik
akan terjadi kepada saya 1
Saya bimbang perkara yang tidak baik akan berlaku
terhadap diri saya 2
Saya pasti sesuatu yang tidak baik akan berlaku
ke atas saya 3
7. Saya sangat membenci diri saya 1
Saya tidak suka diri saya 2
Saya suka diri saya 3

8. Semua perkara yang tidak baik disebabkan kesalahan saya 1
Kebanyakan perkara yang tidak baik disebabkan kesalahan saya 2
Perkara yang tidak baik semestinya disebabkan oleh saya 3
9. Saya tidak berfikir untuk membunuh diri 1
Saya pernah memikirkan untuk membunuh diri, tetapi saya tidak akan melakukannya 2
Saya pernah berfikir untuk membunuh diri 3
10. Saya merasa seperti hendak menangis setiap hari 1
Kerap kali saya merasa seperti hendak menangis 2
Sekali sekala sahaja saya merasa seperti hendak menangis 3
11. Saya sentiasa terganggu untuk melakukan sesuatu 1
Kerap kali saya merasa terganggu untuk melakukan sesuatu 2
Sekali sekala saya terganggu untuk melakukan sesuatu 3
12. Saya suka bersama-sama dengan orang lain 1
Saya tidak berapa suka bersama-sama dengan orang lain 2
Saya langsung tidak suka bersama-sama orang lain 3
13. Saya tidak boleh membuat keputusan tentang sesuatu perkara 1
Agak sukar bagi saya membuat keputusan tentang sesuatu perkara 2
Saya boleh membuat keputusan dengan baik tentang sesuatu perkara 3
14. Saya kelihatan baik 1
Ada sesuatu yang tidak kena pada diri saya 2
Saya kelihatan hodoh 3
15. Saya sentiasa memaksa diri saya melakukan kerja sekolah 1
Kerap kali saya memaksa diri saya melakukan kerja sekolah 2
Membuat kerja sekolah bukan satu masalah yang besar 3
16. Setiap malam saya menghadapi masalah untuk tidur 1
Kerap kali saya menghadapi masalah tidur malam 2
Saya tidak menghadapi masalah tidur malam 3
17. Kadang kala saya merasa keletihan 1
Kerap kali saya merasa keletihan 2
Sepanjang masa saya merasa keletihan 3

BAHAGIAN C

INVENTORI PENGHARGAAN KENDIRI

Arahan: Di bawah ini adalah senarai kenyataan-kenyataan tentang perasaan. Jika kenyataan berikut sesuai dengan apa yang anda rasa, tandakan X pada ruang 'YA'. Jika kenyataan berikut tidak menggambarkan perasaan anda, tandakan X pada ruang 'TIDAK'.

	YA (Y)	TIDAK (N)
1. Tidak ada perkara yang mengganggu saya	()	()
2. Saya rasa sukar untuk bercakap di hadapan kelas	()	()
3. Jika saya mahu, terlalu banyak perkara tentang diri saya yang perlu saya ubah	()	()
4. Saya boleh membuat keputusan tanpa banyak masalah	()	()
5. Saya seorang yang senang didekati	()	()
6. Saya cepat jemu berada di sekolah	()	()
7. Saya mengambil masa yang lama untuk membiasakan sesuatu yang baru	()	()
8. Saya terkenal di kalangan kawan-kawan saya	()	()
9. Ibu bapa saya selalu bertimbang rasa pada perasaan saya	()	()
10. Saya mudah dipengaruhi	()	()
11. Ibu bapa saya amat mengharapkan saya	()	()
12. Saya mempunyai keyakinan terhadap diri saya sendiri	()	()
13. Banyak perkara yang tidak teratur dalam hidup saya	()	()
14. Kawan-kawan lain selalu mengikut pendapat saya	()	()
15. Saya berpandangan yang rendah terhadap diri saya.	()	()
16. Kerap kali saya berhajat ingin berhenti untuk bersekolah	()	()

17. Saya sering rasa kecewa dengan kerja-kerja sekolah () ()
18. Saya tidak menarik seperti kebanyakan orang () ()
19. Saya tidak akan menyembunyikan apa yang ingin saya
ucapkan () ()
20. Ibu bapa saya memahami saya () ()
21. Ramai orang yang lebih baik daripada saya () ()
22. Saya merasakan ibu bapa saya selalu menekan () ()
23. Saya sering tidak mendapat galakkan di sekolah () ()
24. Saya selalu mengharapkan akan menjadi seorang
yang terkenal () ()
25. Saya tidak boleh dijadikan tempat bergantung () ()

“ TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG TELAH ANDA BERIKAN”



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon : 03-20986900
Faks : 03-20954960
Laman Web : <http://161.142.144.5>

Rujukan Kami : KP(BPPDP)603/5 Jld.1(8)
Tarikh : 10 Januari 2003

Cik Khairul Bariyah binti Kassim,
No. 100, Kolej Taman Universiti,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok,
KEDAH.

Puan,

***Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-
Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-
Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia***

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

**"Hubungan Penghargaan Kendiri Dan
Kemurungan Ke Atas Pencapaian
Akademik Pelajar Tingkatan Empat"**

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di
dalam cadangan penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini.
**Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi
daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri Yang
Berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian puan
setelah selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dr. Mohd. Sahandri Gani bin Hj. Hamzah)

b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Kelantan.

Pengarah,
Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Prof. Madya Dr. Nurahimah Mohd. Yusoff,
Pengerusi Program Siswazah,
Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan,
Universiti Utara Malaysia.



جائتین قندیدین کلتین

JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN

JALAN DOKTOR,
15000 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM
TEL PENGARAH : 7418001
FAKS : 7482554



PEJABAT AM : 7418000, 7418020, 7418080, 7418090 KAWAT : "SEKOLAH KELANTAN"

Ruj. Kami : PPKn.(UPP)5048/15/Jld.19 (16)

Tarikh : 24 Mei 2003

Kepada:

Khairul Bariyah bt. Kassim

Batu 19 1/2, Kg. Badak

16300 Bachok

Kelantan.

Tuan/Puan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN
KE SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI KELANTAN**

Surat permohonan tuan/puan bertarikh 24 Mei 2003 adalah dirujuk.

2. Surat kebenaran dari Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia Rujukan KP(BPPDP)603/5 Jld.1(S) bertarikh 10 Januari 2003 ada kaitan.

3. Adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Kelantan tiada apa-apa halangan bagi tuan/puan menjalankan kajian/penyelidikan seperti tajuk berikut :-

" Hubungan Penghargaan Kendiri Dan Kemurungan
Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat "

4. Kelulusan ini adalah dihadkan berdasarkan kepada tajuk kajian/penyelidikan yang dikemukakan ke jabatan ini bagi tempoh 25 hingga 27 Mei 2003

5. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti di Lampiran ' A ' .

6. Tuan/Puan dinasihatkan supaya terlebih dahulu menemui dan berbincang dengan Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan sebelum kajian / penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. ADNAN BIN HASSAN NORDIN)
b.p. Pendaftar Sekolah-Sekolah Kelantan.



iii) Pengetua / Guru Besar :

- SIK Bachok, Bachok
- SIK Badak, Bachok
- SMK Jelawat, Bachok
- SIK(A) Tangok, Bachok

Salinan:

i) Pengarah, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

ii) Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Puteh/Bachok

MAHNieza(Am Pelbagai 4/mw.doc)

(Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung)

